



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.06 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.42 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.43 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 63

25 MEI 2024 / 1445 ذوالقعدة 16

MANISNYA IMAN ايمان

SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang maksudnya :

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu dari

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda :
Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menghormati tetamunya dan barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia menyambung silaturahim".

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

AL-QURAN SUMBER KEBERKATAN, KEKUATAN



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 23 Mei. - Al-Quran tidak pernah salah dalam memberikan petunjuk dan pedoman kepada kita kerana ia adalah 'Kalamullah', firman Allah yang semata-mata benar.

Kerana itu sangat beruntunglah bangsa yang komited dengan Al-Quran yang membangun dirinya dan negaranya dengan Al-Quran, dalam makna, semua rancangan dan kerja-kerja pembangunan itu dipandu oleh Al-Quran.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membara Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Perutusan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Jordan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan dan ahli kerabat diraja serta kerajaan dan juga rakyat Jordan bersempena dengan Hari Kemerdekaan negara tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan.



Penerbangan kedua bakal jemaah haji berlepas ke Tanah Suci

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Jumaat, 24 Mei. - Seramai 254 bakal jemaah haji berlepas ke Tanah Suci dalam penerbangan kedua menaiki Penerbangan Diraja Brunei dengan pesawat BI4203 dari Lapangan Terbang Antarabangsa

Brunei (LTAB) jam 9.40 pagi ini.

Mereka terdiri daripada 121 lelaki dan 130 perempuan serta tiga pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (Perubatan) dan Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB).

Bakal jemaah haji yang mengikuti Paket Syarikat Darussalam Holdings itu sudah berkumpul terlebih awal bersama ahli keluarga, saudara-mara serta sahabat handai sebelum mereka beredara ke ruang pelepasan.

>> Muka 8



RENCANA

MENGEKALKAN, memelihara khazanah seni berpantun

Muka 27



Berita Utama



MAJLIS Pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota

Muka 11



TINGKAT kefahaman mengenai garis panduan AIP

Muka 15



PENGAGIHAN 300 keping Poster Sambutan HUT ABDB Ke-63

Muka 18





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (Malam Pertama) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Selasa, 21 Mei 2024.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Bismillahir Rahamanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil
Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadiin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

Amalan kerohanian, zikrullah mengundang berkah

ALHAMDULILLAH, setinggi pujian dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, usaha-usaha berterusan senegara dalam menjaga dan memelihara kesucian Al-Quran, kitab mukjizat agung yang diturunkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rahmah petunjuk dan pedoman kepada seluruh alam ke arah kecemerlangan kehidupan dunia ni dan ukhwari sepanjang zaman.

Sehingga kini, usaha untuk menghidupkan amalan dan budaya membaca Al-Quran, sebagai rutin kehidupan para Muslimin dan Muslimat secara turun temurun di negara ini telah dilaratkan ke hampir setiap bidang pekerjaan dan acara-acara keraian tertentu.

Amalan kerohanian dan zikrullah seumpamanya pada hakikatnya mengundang berkah ke arah semata-mata meraih rahmat serta redha Allah Subhanahu Wata'ala jua. Ianya bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Fatir ayat 29 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca Kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka, sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan kerugian".

Atas berkenaan memperjelaskan bahawa mereka yang mengamalkan pembacaan Al-Quran, mendirikan solat dan menginfakkan sebahagian rezeki yang dititipkan kepadanya tidak akan mengalami kerugian, malahan mereka akan memperoleh keuntungan yang tidak terbanding di samping meraih balasan pahala yang berlipat ganda di dunia dan akhirat.

Tema 'Al-Quran Pedomanku' yang membawa maksud Al-Quran sebagai panduan yang lengkap dalam kehidupan seseorang,

menyuluhi cahaya menuju ke jalan yang benar serta direndai Allah Subhanahu Wata'ala adalah amat tepat dan relevan.

Dengan memelihara kesucian Al-Quran dan menjadikannya sebagai pedoman dapat membimbing dan memberi petunjuk serta solusi dalam setiap persoalan yang meliputi semua aspek kehidupan di dunia yang fana ini dan juga di alam akhirat yang baqa nanti.

Alhamdulillah, di zaman yang penuh liku dan cabaran masa kini, saya gembira dan tertarik mengenai kesinambungan usaha berbagai pihak berkepentingan dalam memantap dan mengukuhkan pendidikan ugama demi membentuk peribadi dan jati diri pelajar yang berakhhlak mulia. Keberhasilannya adalah menjurus kepada melahirkan masyarakat beriman dan bertakwa yang sentiasa berpegang teguh kepada pedoman daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

Program literasi termasuk pengajian ilmiah yang mendaulatkan kesucian Al-Quran yang diterapkan bermula dari peringkat pendidikan rendah hingga ke Institusi Pengajian Tinggi ternyata telah membawa hasil, khususnya dalam melahirkan generasi pencinta Al-Quran di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Peluang-peluang seumpamanya terus diperluaskan kepada setiap lapisan masyarakat akar umbi termasuk usaha mengintegrasinya ke dalam Sistem Pendidikan Negara.

Ke arah itu, kerajaan paduka ayahanda juga sentiasa memberikan keutamaan kepada menyediakan keperluan tenaga pengajar Al-Quran yang khusus di setiap peringkat pendidikan. Keperluannya adalah mengambil kira peranannya yang signifikan dalam memastikan kelangsungan serta kesinambungan pengajaran kemahiran membaca, pembelajaran, dan seterusnya pengajaran kandungan Al-Quran yang sempurna sebagai teras menerapkan kekuatan kerohanian dan pedoman kehidupan seawal usia dini.

Pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran

Peringkat Negara 1445 Hijrah, paduka ayahanda bertitah menzahirkan hasrat bagi semua anak Brunei untuk pandai membaca Al-Quran dengan bertajwid. Ke arah itu, paduka ayahanda seterusnya menitahkan "khidmat guru-guru adalah diperlukan untuk melutani pengajaran Al-Quran, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah yang belum berapa lancar membaca Al-Quran, di samping tidak mengabaikan juga pelajar-pelajar di sekolah menengah".

Ibu bapa dan penjaga adalah juga berperanan utama khususnya dalam bersama-sama membimbing serta mengajak seluruh ahli keluarga dalam melestarikan amalan dan budaya mengaji Al-Quran dalam institusi keluarga. Kelangsungan dan keberhasilannya amatlah strategik kepada usaha senegara untuk menjadikan ajaran suci Islam dan Al-Quran sebagai utap bagi memperkuuh perpaduan keluarga dan masyarakat serta memelihara keharmonian negara dan ummah berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Berkat kesinambungan usaha senegara yang konsisten dalam memartabat dan mengagungkan kesucian Al-Quran kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar mengurniakan hidayah dan petunjuk untuk sentiasa membimbing para pemimpin dan seluruh ahli masyarakat dalam menebarkan amalan dan nilai-nilai murni Islam dengan petunjuk Al-Quran. Matlamat hakiki kita adalah untuk mendapatkan ganjaran pahala dan semata-mata meraih syafaat daripada Ummul Kitab-Al-Quran Al-Karim.

Akhirnya, dengan lafadz kalimah agung *Bismillahir Rahamanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi
Wabarakaaatuh.

WAKTU SEMBAHYANG

25 MEI 2024

SIDANG PENGARANG Memperkasa bahasa Melayu tanggungjawab semua

BAHASA Melayu merupakan bahasa rasmi bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), sepetimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 82 (i), Pindaan 2004 yang memperundangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi NBD.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai tujuh puak, iaitu Melayu Brunei, Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong, di samping etnik dan bangsa lain serta penduduk tetap yang berkenaan, penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk negara ini adalah dititikberatkan.

Walaupun terdapat tujuh puak yang mempunyai adat yang berbeza dan bahasa tersendiri, bahasa Melayu tetap menjadi bahasa pertuturan dalam pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Dalam usaha untuk mengembang dan memperkasa bahasa Melayu dalam masyarakat di negara ini, pelbagai kegiatan dilaksanakan selain pengajian seperti seminar, dialog, pengucapan, forum, pertemuan, bengkel, pementasan, pertandingan, peraduan dengan kerjasama pelbagai pihak dalam memperteguhkan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, adalah amat penting bagi pemantapan pemartabatan bahasa Melayu akan semakin diperkuuh dengan adanya peranan pendekatan Whole of Nation yang melibatkan bukan sahaja agensi-agensi kerajaan, bahkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan semua lapisan masyarakat.

Memperkasa bahasa Melayu yang menjadi tanggungjawab dan kesedaran awam juga seluruh masyarakat dalam upaya mendaulat dan melestarikan bahasa Melayu sebagai warisan sosial masyarakat ke arah pembentukan jati diri bangsa.

Dalam usaha berterusan bagi memartabatkan bahasa Melayu, Sambutan Bulan Bahasa yang diadakan pada setiap Julai adalah pada menunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Emas Ke-50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961 - 2011) pada Sabtu, 19 Syawal 1432 Hijrah bersamaan 17 September 2011 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Beta juga dengan ini sukacita mengumumkan pengisytiharan bulan Julai sebagai Bulan Bahasa. Ia dilihat sebagai harapan supaya rakyat memiliki sikap dan semangat positif untuk menjadi satu bangsa yang bermaruah, yang mendaulatkan bahasanya sendiri. Maka sehubungan ini, beta menyarankan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan sektor swasta untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang proaktif bagi melestarikan bahasa Melayu dalam segmen perkhidmatan mereka".

Sewajarnya menjadi kebanggaan bangsa kita untuk mempamerkan jati diri bangsa dan negara. Kita sebagai orang Brunei yang berbahasa Melayu, hendaklah berterusan mempertahankannya dalam semua ranah kehidupan dan memastikan bahasa Melayu itu tetap diutamakan dan kekal diguna pakai sehingga bila-bila. - Ketua Penyuntingan (Sb)

Mei MASIHI	HARI	Zulkaedah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	16	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 42	6 . 28	7 . 43
26	AHAD	17	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 42	6 . 29	7 . 43
27	ISNIN	18	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 18	3 . 43	6 . 29	7 . 43
28	SELASA	19	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 19	3 . 43	6 . 29	7 . 44
29	RABU	20	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 19	3 . 43	6 . 29	7 . 44
30	KHAMIS	21	4 . 33	4 . 43	6 . 06	6 . 30	12 . 19	3 . 44	6 . 29	7 . 44
31	JUMAAT	22	4 . 32	4 . 42	6 . 06	6 . 30	12 . 19	3 . 44	6 . 29	7 . 45

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
33 26 °C 	34 26 °C 	34 25 °C
Pekan Bangar		
33 25 °C 	34 25 °C 	35 25 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C 	33 26 °C 	33 26 °C
Kuala Belait		
32 25 °C 	32 26 °C 	33 26 °C
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتک اوله جابن فراغن، جابن فردن منtri دان چیق او له فرین قلس سندیرین برد، نکارا برونى

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Al-Quran sumber keberkatan, kekuatan



>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, contoh membangun diri dengan Al-Quran ialah belajar membaca, menghafaz dan mengikut ajaran-ajarannya.

"Di Brunei alhamdulillah, perkara ini sudah dan sedang berlaku menjadi trend yang digemari oleh semua. Memang menjadi dasar kerajaan beta menjadikan Al-Quran untuk dibaca dan ditadabbur ayat-ayatnya untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

"Al-Quran tidak syak lagi adalah sumber keberkatan dan kekuatan yang tidak ada tolok

bandingnya. Sebab itu Negara Brunei Darussalam tidak boleh berenggang dari Al-Quran," titah baginda. Lalu untuk itu, titah baginda, dalam pendidikan pun mata pelajaran Al-Quran dimartabatkan menjadi mata pelajaran wajib.

Terdahulu, baginda bertitah, alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua, yang telah menurunkan Kitab Suci Al-Quran untuk jadi pedoman hidup kita. Tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun

1445H kali ini ialah 'Al-Quran Pedomanku'.

Tema ini, titah baginda, dipilih betul-betul merujuk kepada fungsi Al-Quran itu sendiri sebagai suluh atau pedoman hidup kita di dunia dan di akhirat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, keberkatan dan kekuatan Al-Quran meliputi semua aspek, termasuk aspek keselamatan dan kesihatan.

"Tidakkah kita melihat contoh sebagai bukti, bahawa doa Nabi Allah Yunus Alaihissalam yang terakam dalam Al-Quran, telah menyelamatkan Nabi tersebut daripada terus terperangkap di dalam perut ikan?" titah baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah, begitu juga dalam aspek kesihatan, Allah sendiri telah menjelaskan perkara ini dalam Surah Al-Isra', ayat 82 yang tafsirnya : "Dan Kami menurunkan dari Al-Quran itu penawar (bagi penyakit-penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman...".

Menyebut mengenai penyakit rohani, titah baginda, teringat kita kepada isu gejala mental yang sedang rancak diperkatakan akhir-akhir ini. "Rasa-rasanya, pihak berkenaan di negara ini patut sensitif untuk melihat bagaimana cara merawat atau menangani gejala ini dengan Al-Quran.

"Beta yakin, cara itu tentu sahaja ada menurut Al-Quran. Inilah namanya kita berpandu kepada Al-Quran, dengan memanfaatkan segala ajarannya bagi mengatasi apa jua masalah yang berkaitan," tegas titah baginda.

Mengakhiri titah, Kebawah DYMM bertitah menyeru untuk kita sama-sama menghayati Al-Quran dengan konsisten membaca dan mengamalkan petunjuk serta ajaran-ajarannya. Dengan yang demikian itu, titah baginda, insyaAllah, kita dan negara akan beroleh rahmat berupa keselamatan, keamanan dan kemakmuran, berkat dari Al-Quran.

AWANG HAJI MOHAMMAD, DAYANGKU FAUZIAH NADHIRAH JOHAN QARI, QARIAH MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 23 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang membawakan tema



'Al-Quran Pedomanku'.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri).

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan piala pusingan kepada Awang Haji Mohammad bin Ali, johan qari dan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, johan qariah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada naib johan musabaqah, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun

1445H/2024M; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Ketua Hakim Syar'ie,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun

1445H/2024M dan pengendali-pengendali bersama serta jawatankuasa-jawatankuasa kerja yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Republik Indonesia, Haji Dasrizal M.Nainin yang merupakan juara Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuwait pada 2022 dan juara Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia pada 2013.

Majlis diteruskan lagi dengan

sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Seterusnya diikuti dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disembahkan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim.

>> Muka 5



ANTARA yang hadir pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (bawah kiri dan bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

>> Muka 4

Johan qari disandang oleh Awang Haji Mohammad bin Ali dengan markah 92.80 peratus, manakala naib johan pula disandang oleh Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan markah 91.49 peratus dan tempat ketiga ialah Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dengan markah 91.25 peratus.

Sementara johan qariah

disandang oleh Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 89.83 peratus, diikuti naib johan ialah Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dengan markah 89.75 peratus dan tempat ketiga ialah Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid dengan markah 89.42 peratus.

Johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND7,000, piala pusingan, hadiah iringan, sijil

penyertaan; Pakej Umrah bernilai BND4,200 dari Balurih Travel Sdn. Bhd., Akaun Tekad Haji berjumlah BND3,000 sumbangan dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; serta tiket penerbangan umrah dari At-Taqwa Travel & Tours.

Manakala naib johan membawa pulang wang tunai BND5,000, hadiah iringan, sijil penyertaan,

Akaun Tekad Haji berjumlah BND2,000 sumbangan dari Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; serta tiket penerbangan umrah dari At-Taqwa Travel & Tours.

Sementara tempat ketiga pula membawa pulang wang tunai BND3,000, hadiah iringan, sijil penyertaan; Pakej Percutian ke Istanbul bernilai BND2,500, Akaun Tekad Haji berjumlah BND1,000 sumbangan dari

Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Majlis diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh johan qari dan johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

>> Muka 6



BACAAN Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Sementara gambar kiri sekali dan kiri, johan qari dan qariah semasa memperdengarkan bacaan. Manakala gambar bawah sekali kiri, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan dari Republik Indonesia, Haji Dasrizal M.Nainin. Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam, berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam yang baru.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra sebelum berangkat balik (kiri sekali, bawah kiri dan bawah kanan).

>> Muka 5

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada johan qari dan johan qariah serta peserta-peserta, qari jemputan serta hakim-hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Al-Quran, sunnah pedoman ke arah kehidupan sempurna

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 23 Mei. - Berpedoman Al-Quran adalah dalam makna berpegang kepada ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana juga berpegang kepada sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyembahkan, kedua-duanya adalah pedoman ke arah kehidupan yang sempurna, tidak sesat dan tidak menyesatkan, selamat dan berjaya dunia akhirat.

"Oleh yang demikian, usaha yang sedia, iaitu menggandingkan ayat-ayat Al-Quran yang dibaca dengan memberikan makna dan tafsirnya akan terus digiat dan ditingkatkan."

"Digitikat dengan kekerapannya dan ditingkatkan isi dan mutu penyampainya," Yang Berhormat menyembahkan

demikian semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Yang Berhormat selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H/2024M dalam sembah alu-aluannya seterusnya menyembahkan, lebih penting lagi ialah digiat dan ditingkatkan kesiapan penyampaian penyampai *'ibrah'* dengan ilmu-ilmu Al-Quran dan yang berkaitan dengannya.

Sembah Yang Berhormat, peningkatan Program Tadabbur sedemikian tentu sahaja akan memfokuskan kepada tema-tema ayat dan surah-surah Al-Quran bagi pedoman yang kontekstual.

Yang Berhormat menyembahkan, iaitu kontekstual dengan kita ini dan generasi penerus nanti adalah sebagai hamba Allah yang mengimani dan

mengibadati-Nya dan kontekstual dengan kita serta generasi penerus kita se-Brunei sebagai warga negara yang berhasrat dan berusaha untuk hidup aman bahagia dan sejahtera, diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Ya! kontekstual dengan kita se-Brunei generasi demi generasi yang bernegarakan negara berpemerintahan beraja yang diberkati dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, adil berwibawa, berwawasan lagi bijaksana," sembah Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya menyembahkan, sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga mengurniakan titah yang mengilhamkan dan merangsang pemikiran serta memotivasi ke arah kemajuan khasnya dalam bidang agama.

Demikian juga perkenan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memberkati penganugerahan hadiah-hadiah kepada peserta-peserta musabaqah dan hadiah-hadiah penghargaan kepada para hakim musabaqah.

Sembah Yang Berhormat, kesemuanya sangat memeriahkan dan menjadi kenangan ristaan baik kepada sekalian dalam sempena majlis musabaqah tahun ini yang bertemakan 'Al-Quran Pedomanku'.

"Disembahkan bahawa sesuai dengan tema itu maka ayat-ayat Al-Quran yang ditilawahkan oleh peserta-peserta musabaqah adalah diberikan kesimpulan makna dan tafsirnya secara penerbitan risalah yang sejak dahulu lagi dinamakan Sinaran Wahyu," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, keluarannya tahun ini adalah bilangan ke-69 dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah diterbitkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Dengan usaha yang dibuat sejak



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya.

Irama itu sembah Yang Berhormat lagi, orang ramai berpeluang mengetahui makna dan tafsir serta kesimpulan pengajaran ayat-ayat yang dibacakan iaitu *'ibrahnya'*.

Yang Berhormat menyembahkan, dalam majlis musabaqah tahun ini *'ibrah'* itu telah disampaikan dengan baik oleh empat orang pegawai muda lelaki dan wanita generasi baharu perkhidmatan agama, dua orang dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan dua orang lagi dari Kementerian Pertahanan.

6 PESERTA PERDENGARKAN BACAAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat pada hari kedua Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 22 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah malam tadi berkenan berangkat pada hari kedua Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung

di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Seramai tiga lagi qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan Al-Quran masing-masing pada hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M dan Pengendali-pengendali Bersama serta Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Musabaqah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Musabaqah kemudiannya dimulakan dengan bacaan Al-Quran daripada tiga peserta iaitu Pengiran Md. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; dan Awang Haji Mohammad bin Ali.

Acara diteruskan dengan Persembahan Selawat as-Syifa oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings

Sdn. Bhd.; dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Musabaqah disambung dengan bacaan Al-Quran daripada tiga lagi peserta, iaitu Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim; dan Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat meninggalkan majlis setelah selesai bacaan enam peserta bagi hari kedua musabaqah.

Majlis Pengumuman Keputusan bagi menentukan johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M akan diadakan esok, di tempat yang sama bermula jam 7.15 malam.

Tema Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M ialah 'Al-Quran Pedomanku'.

Pengendali Bersama Musabaqah pada tahun ini terdiri dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kementerian Pertahanan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.



DARI kiri... Bacaan Al-Quran daripada para peserta iaitu Pengiran Md. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki, Awang Haji Mohammad bin Ali dan Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman.



AWANG Haji Hazwan bin Haji Salim dan Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid semasa memperdengarkan bacaan (kiri dan tengah). Manakala gambar kanan, Persembahan Selawat as-Syifa oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP); Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.; dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.



SUASANA hari kedua Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas (gambar-gambar atas dan kanan).

PENERBANGAN KEDUA BAKAL JEMAAH HAJI BERLEPAS KE TANAH SUCI

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar di LTAB ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yussof dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Jaafar serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei,

HADIR bagi mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah

ANTARA bakal jemaah haji yang berlepas ke Tanah Suci dalam penerbangan kedua menaiki Penerbangan Diraja Brunei dari LTAB.



Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Bagi memohon keselamatan, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. Sementara azan dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji

Hamdin bin Haji Garif.

Setentunya keberangkatan pergi para Duyufurrahman itu amat dirasai dengan tangisan air mata oleh sebahagian ahli keluarga yang datang di LTAB ini dan berdoa agar ahli keluarga mereka mendapat haji yang mabrur serta selamat pulang ke pangkuhan keluarga masing-masing.

Kumpulan kedua ini dijangka tiba sekitar jam 2.40 petang waktu Madinah. Penerbangan kumpulan ketiga seterusnya akan bertolak Sabtu, 25 Mei 2024 dan dijadualkan akan berlepas jam 9.40 pagi.



28 syarikat dibenarkan kendali Perkhidmatan Pakej Umrah

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji sukacita memaklumkan bahawa Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd. diberi kebenaran untuk mengendalikan Perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024 Masihi.

Dengan kebenaran tersebut, maka pada ketika ini terdapat 28 buah syarikat pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan Perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi Tahun 2024 Masihi iaitu Syarikat Lamisa International Tours & Travels Sdn. Bhd.; Syarikat Mustaqim Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat PGGBM Travel Services Sdn. Bhd.; Syarikat Qamaroon Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Al-Miqat Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Humzaik Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat El-Abqari Travel & Tours Sdn. Bhd.

Seterusnya, Syarikat Maduli Agency Travel Sdn. Bhd.; Syarikat Hayya Travel & Tours Sdn. Bhd.; Syarikat Az Back to Nature Travel & Tours Sdn. Bhd. dan Syarikat Firdaus Al-Munawwarah Travel Services Sdn. Bhd.

Senarai syarikat berkenaan juga boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama, www.kheu.gov.bn atau berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji menerusi talian +673 2384478 atau e-mel juh.kheu@mora.gov.bn. Orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat umrah bolehlah berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan tersebut.

SYARIKAT-SYARIKAT PENGENDALI PERKHIDMATAN PAKEJ HAJI DAN UMRAH MENGIKUT KATEGORI PAKEJ DAN VISA



BIL	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KEBENARAN	PAKEJ HAJI	PAKEJ UMRAH (VISA UMRAH)	PAKEJ UMRAH (VISA PELANCONG ARAB SAUDI)
1	DARUSSALAM SERVICES SDN BHD	3 TAHUN (1443 HIJRAH HINGGA 1445 HIJRAH)	✓	✓	✓
2	STRAITS CENTRAL AGENCIES (B) SDN BHD		✓	✓	✓
3	RAUDAH AL-AMIN SDN BHD CONTINENTAL YACHTING SDN BHD		✓	✓	✓
4	CONTINENTAL YACHTING SDN BHD		✓	✓	✓
5	DAR EL EHSAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
6	AL-HIJRAH TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
7	TITAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
8	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD		✓	✓	✓
9	AL ABRAJ TRAVELS & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
10	AL-BARAKA TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓
11	ALEIYA VOYAGES SDN BHD	1 TAHUN (2024 MASIHI)	✗	✗	✓
12	AL-HAJAT TOURS & TRAVELS AGENCY SDN BHD		✗	✗	✓
13	AL- HARAMAIN BIL IMAN TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
14	AS SAFA TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
15	BALURIH TRAVEL SDN BHD		✗	✗	✓
16	HUMAIRA TRAVEL CENTRE (BORNEO) SDN BHD		✗	✗	✓
17	JB TRAVEL AGENCIES SDN BHD		✗	✗	✓
18	LAMISA INTERNATIONAL TOURS & TRAVELS SDN BHD		✗	✗	✓
19	MUSTAQIM TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
20	PGGMB TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓
21	QAMAROON TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
22	AL-MIQAT TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
23	HUMZAIK TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
24	EL-ABQARI TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
25	MADULI AGENCY TRAVEL SDN BHD		✗	✗	✓
26	HAYYA TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
27	AZ BACK TO NATURE TRAVEL & TOURS SDN BHD		✗	✗	✓
28	FIRADAUS AL-MUNAWWARAH TRAVEL SERVICES SDN BHD		✗	✗	✓

(Dikemaskini pada 11 Zulkaedah 1444H bersamaan 20 Mei 2024M)

254 JEMAAH HAJI BERLEPAS KE TANAH SUCI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 23 Mei. - Seramai 254 orang bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi bertolak meninggalkan negara dengan menggunakan pesawat Royal Brunei Airlines BI4201 dan penerbangan tersebut dijangka tiba di Madinah pada jam 2.40 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Bakal jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan); pegawai-pegawai dari Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan Pegawai Syarikat Straits Central Agencies Sdn. Bhd. (SCA).

Daripada jumlah tersebut, seramai 126 bakal jemaah haji iaitu 49 lelaki dan 77 perempuan mengikuti Syarikat DSSB, sementara bakal jemaah haji yang mengikuti SCA adalah seramai 125 terdiri daripada 60 lelaki dan 65 perempuan.

Turut mengiringi bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama tersebut ialah tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji

(Perubatan) iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Maswadi bin

Jaafar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah Al Buraitin.

Turut hadir, Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Zulkifli bin Haji Murat manakala azan dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Hamdin bin Haji Garif.

Sehubungan itu, Pelita Brunei sempat menemu bual salah seorang bakal jemaah haji negara sebelum berangkat dari LTAB, Awang Sofferi bin Haji Ahmad dari Kampung Selayun menyatakan beliau amat bersyukur kerana akhirnya diberikan kesempatan untuk menuaikan ibadah haji pada tahun ini.

Beliau yang akan menuaikan ibadah haji dengan isteri dan dua anak beliau berkata, niat untuk



Haji Mohsin dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Menyentuh mengenai persediaan haji beliau berkata bakal-bakal jemaah haji negara telah pun diberikan dengan kursus-kursus haji untuk meningkatkan lagi kefahaman mengenai ibadah haji yang bakal dilaksanakan yang mana beliau turut membaca risalah-risalah mengenai panduan haji dan umrah untuk mendalami lagi

pergi haji ini telah lama dihajati namun disebabkan masalah kesihatan maka niat itu terpaksa ditangguhkan dahulu.

Menurut beliau, selain persediaan dari segi amalan dan pembacaan serta mengikuti kursus, mereka juga ada membuat persediaan dari segi fizikal dan mental serta juga menjaga kesihatan.

Jelasnya, mereka yang mengikuti pakej Darussalam Holdings Sendirian Berhad turut berharap agar dapat menuaikan fardu haji dengan sempurna dan diper mudahkan dalam setiap urusan.



BAKAL jemaah haji semasa menadah tangan ketika doa dibacakan dan seterusnya berziarah sebelum meninggalkan negara (kanan dan atas kiri).



PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ubah Mentaliti Terokai Bidang Baharu'. Tarikh Tutup : 29 Mei 2024
2. 'Jadilah Ibu Bapa Bertanggungjawab'. Tarikh Tutup : 5 Jun 2024
3. 'Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 12 Jun 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENANDATANGANAN MOU BAGI KEMAS KINI HAK-HAK KEBEbasan TRAFIK UDARA



MENANDATANGANI bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi manakala bagi pihak Kerajaan Arab Saudi ialah President of General Authority of Civil Aviation (GACA), Saudi Arabi, Abdulaziz bin Abdullah Al-Duailej. Turut hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas dan bawah).



RIYADH, ARAB SAUDI, Rabu, 22 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) baharu bersama Kerajaan Arab Saudi pada Isnin, 20 Mei 2024 di Riyadh, Arab

Saudi.

MoU baharu tersebut adalah bertujuan bagi mengemaskinikan Hak-hak Kebebasan Trafik Udara yang sebelum ini dimeterai di dalam Perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditandatangani pada 1992 serta MoU Sulit yang ditandatangani pada 2009.

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

MoU baharu yang ditandatangani tersebut memeterai perkara-perkara seperti mendapatkan hak kebebasan trafik ke-tiga, ke-empat dan ke-lima tanpa had pada kapasiti dan kekerapan penerbangan bagi perkhidmatan penerbangan penumpang dan kargo.

Dengan adanya MoU tersebut, ia membolehkan syarikat penerbangan di negara ini, termasuk Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, melaksanakan penerbangan ke mana-mana destinasi antarabangsa di Arab Saudi termasuk Madinah melalui perkhidmatan berjadual biasa.

Penandatanganan MoU tersebut telah berlangsung semasa The Third Edition of Future Aviation Forum (FAF2024) yang telah diadakan di King Abdulaziz International Conference Center (KAICC), Riyadh, Arab Saudi,

dari 20 hingga 22 Mei 2024 yang telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan dan Perkhidmatan Logistik dan Chairman of the Board of the General Authority of Civil Aviation (GACA) Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Eng. Saleh bin Nasser Al Jasser.

Turut hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara

Sentiasa peka, waspada dengan keadaan cuaca

■ Siaran Akbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini masih berada dalam tempoh peralihan monsun.

Sepanjang tempoh tersebut, keadaan cuaca di negara kita dipengaruhi oleh kesan angin tempatan, yang pada lazimnya berlaku hujan atau hujan berpetir di kawasan pedalaman negara pada waktu petang, dan menjelaskan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam dan kadang kala berlanjut sehingga awal pagi.

Keadaan cuaca diramalkan aktif untuk beberapa hari akan datang, dan ia adalah disebabkan oleh pembentukan sistem tekanan udara rendah berdekatan dengan negara kita yang menjadikan keadaan atmosfera tidak stabil, dan seterusnya meningkatkan pembentukan awan-awan hujan.

Keadaan cuaca aktif juga dijangka bermula pada hari ini sehingga

Ahad, 26 Mei 2024, dengan hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala menjelaskan banyak kawasan negara.

Manakala, kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa hujan lebat atau berpetir.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit, di antara 0.3 meter (m) dan 0.6m.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur dan pokok tumbang juga boleh berlaku semasa

hujan lebat dan keadaan berangin.

Oleh itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Pihak BDMD juga akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca

فتندیشن ماري برجيتا
Pertandingan Mari Bercerita 2024
TEMA: AKU ANAK BRUNEI
TERBUKA KEPADA KANAK-KANAK BERUMUR 8-12 TAHUN DAFTARLAH SEKARANG
TARIKH TUTUP PENDAFTARAN 20 ZULKAEDAH 1445 30 MEI 2024
IMBAS KOD QR UNTUK Mendaftar
+673 223 5501 | dbpbrunei | pdpb.brunei | Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei | Perpustakaan DBP Brunei

yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram BDMD Brunei Weather.

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH CIPTA DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran pertandingan berkenaan (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Khamis, 23 Mei. - Pertandingan Anugerah Creative, Innovative Products and Technological Advancement (CIPTA) Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 telah dilancarkan secara rasmi petang tadi di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini.

Pelancaran tersebut menandakan satu peristiwa penting kerana ia meraikan Ulang Tahun Ke-20 Pertandingan Dwitahunan berkenaan, anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB) dengan kerjasama Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG) selaku penaja utama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pelancaran pertandingan berkenaan, Menteri

Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan ucapan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Yang Berhormat dalam ucapannya antara lain menjelaskan kemajuan terkemuka bukan sahaja boleh memberi manfaat kepada alam sekitar, bahkan juga dapat menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan secara menyeluruh.

"Saya berbesar hati kerana jawatankuasa pengajur CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 telah memilih tema 'Inovasi Hijau', yang merangkumi semua bentuk kreativiti dan kepintaran yang mengurangkan kemudaratannya alam sekitar sambil memaksimumkan penggunaan berkesan sumber-sumber asli, mencari penyelesaian kepada kemajuan yang seimbang bagi penjagaan bumi.

"Dunia kita menghadapi cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini, daripada perubahan iklim hingga kepada kehabisan sumber, dan ia adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mencari penyelesaian yang mampan," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan inovasi hijau merupakan strategi yang mengurangkan kemudaratannya, kesan buruk dan kemerosotan alam sekitar pada masa yang sama mengoptimalkan penggunaan sumber semula jadi.

Menurut Yang Berhormat lagi, kerajaan di seluruh dunia komited terhadap kemampaman tetapi komitmen tersebut memerlukan usaha kolektif daripada semua sektor masyarakat dan ekonomi.

"Wawasan Brunei 2035 memberi penekanan kepada pembangunan mampan dan pemuliharaan alam sekitar sebagai tonggak utama kemajuan negara.

"Oleh itu, inovasi hijau memainkan peranan penting dalam merealisasikan wawasan ini dan CIPTA telah menjadi platform utama bagi mereka yang berbakat dan berwawasan di Negara Brunei Darussalam, mahupun dari Negara-negara Anggota ASEAN yang mengambil bahagian untuk memperkenalkan inovasi dan ciptaan mereka," tambah Yang Berhormat lagi.



dan Ekonomi, Awang Mohammed Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Eksekutif CIPTA 2025, Adeleye Falade.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa berucap.

Majlis turut diisikan dengan persembahan multimedia dan penyampaian ucaptama yang disampaikan oleh Profesor Dr. Sivakumar Manickam.

Buat julung kalinya, Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 pada tahun ini, para peserta yang mengambil bahagian akan berpeluang untuk mendapatkan pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa.

Pingat tersebut akan mengiktiraf produk-produk yang mencatat markah tertinggi dan paling inovatif.

Juga hadir, Pemangku Peguam Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi; Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Pemangku Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan

34 peserta Program Pengurusan Koleksi Muzium terima sijil

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pengurusan Koleksi Muzium.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Seramai 34 orang terdiri daripada peserta dan pemerhati dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Muzium-Muzium, Pusat Sejarah Brunei,

diadakan di Auditorium, BKISHHB, Jalan Pengiran Babu Raja, di sini, petang tadi.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Program Pengurusan Koleksi Muzium disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Juga hadir sama, Acting Deputy Chief of Mission, Kedutaan Besar Amerika Syarikat (AS) di NBD, Christopher Pritchett.

Majlis dimulakan dengan ucapan penutup oleh Pemangku Pengarah BKISHHB, Pengiran Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali, yang antara lain menzahirkan penghargaan kepada pihak Kedutaan Besar AS di negara ini, penceramah jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa kerja yang melaksanakan Program Pengurusan Koleksi Muzium dengan jayanya.

Para peserta katanya, digalakkan untuk mendalami ilmu yang telah dipelajari dan memanfaatkan jalinan kerjasama yang telah



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

dibentuk semasa program tersebut diadakan, untuk mengamalkan pengetahuan yang telah diperoleh dan menerapkannya dalam pekerjaan masing-masing, serta memastikan koleksi muzium sentiasa dipelihara dan diurus dengan cermat dan teliti.

Program Pengurusan Koleksi Muzium yang telah berlangsung

selama tiga hari tersebut dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Kedutaan Besar AS di NBD.

Program tersebut juga telah menjemput seorang pakar di bawah Program Speaker AS, iaitu Interim Deputy Director for Collections and Exhibitions at the Smithsonian National Museum of Asian Art, Ms. Danielle Bennett.

TEROKA KERJASAMA DALAM MEMBANGUNKAN TELEKOMUNIKASI SATELIT



PUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan kunjungan muhibah ke Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Ambra Dickie, baru-baru ini mengadakan kunjungan muhibah ke Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd. sebuah syarikat komunikasi satelit tempatan di NBD, di Ibu Pejabat NIAT, di Menglait.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Perdagangan, Suruhanjaya Tinggi Kanada di NBD, Eva E.C Ng.

Kehadiran rombongan dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif NiAT, Lim Ming Soon; dan ahli pengurusan yang lain.

Lawatan dimulakan dengan taklimat mengenai sejarah, misi dan peranan syarikat dalam landskap telekomunikasi di NBD, dan kemudian taklimat mengenai inovasi terkini dalam memacu penyelesaian hubungan yang ditawarkan oleh NiAT.

Semasa lawatan tersebut, kedua-dua pihak turut membincangkan mengenai peluang perkongsian di antara kedua-dua negara.

"Lawatan saya ke NiAT memberi peluang berharga untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan dan keutamaan NiAT, dan untuk meneroka bagaimana Kanada dan Brunei boleh bekerjasama lebih rapat dalam membangunkan teknologi maklumat komunikasi dan perkhidmatan satelit Brunei, selaras dengan Wawasan 2035," kata Puan Yang Terutama.

Tujuan lawatan PYT adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang fungsi NiAT di NBD termasuk inisiatif semasa, cabaran, dan matlamat untuk masa depan; serta untuk bertukar-tukar keupayaan, amalan terbaik mereka, dan pengalaman dalam telekomunikasi satelit yang mungkin menarik dan bermanfaat kepada Brunei.

PPMB memperkasakan kebudayaan Melayu



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Rabu, 22 Mei. - Pesta Pantun Melayu Brunei (PPMB)

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah, cenderamata dan sijil kepada para pemenang.

Pustaka (DBP), Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Antara pengisian utama dalam Majlis Penutupan ini ialah Bual Bicara Pantun, dilaksanakan dalam bentuk forum yang memfokuskan perbincangan mengenai perkembangan, penyelidikan dan masa hadapan pantun.

Panel-panel terdiri daripada Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad yang merupakan penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2021; Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kadar, iaitu calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara

2022; dan Dayangku Norsafiah binti Pengiran Sapudin, yang merupakan Penulis Muda.

Moderator bagi Bual Bicara Pantun itu pula ialah Pegawai Penyelidik Kanan, DBP, Dayang Noor Lenny binti Haji Mohamed Yusuf.

Pemangku Ketua Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, Dayang Ruhana binti Radin, dalam ucapannya antara lain berkata, satu projek strategik jabatan dalam memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu menerusi kebudayaan Melayu telah dapat dicapai oleh jabatan ini melalui pelaksanaan PPMB.

Menurutnya, pengungkayahan pesta berkenaan mampu mengerakaktifkan penglibatan semua lingkungan masyarakat dari pelbagai peringkat usia di negara ini.

"Keberkesanan pesta ini dapat dilihat melalui penglibatan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan pesta yang disertai," katanya.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty seterusnya

menyampaikan hadiah, cenderamata dan sijil kepada para pemenang, panel hakim, panel dan moderator Bual Bicara Pantun; pengurus pantun serta peserta kegiatan-kegiatan PPMB, dan kemudian menyempurnakan penutupan PPMB.

Pesta tersebut dipercayai mampu mencapai objektif pelaksanaannya dalam memelihara, melestarikan, memperkasa dan membarigakan pantun Melayu Brunei melalui pengisian pelbagai kegiatan serta persembahan berkaitan pantun dengan penyertaan dan dukungan daripada pelbagai sektor kerajaan, swasta dan orang awam.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pengarah-pengarah di KKBS serta jabatan-jabatan di bawahnya; rakan-rakan strategik, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan-persatuan, penggiat seni budaya, pemantau dan penulis tanah air; pensyarah-pensyarah, guru-guru, mahasiswa-mahasiswa dan pelajar-pelajar.



PANEL-panel terdiri daripada Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad, penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2021; Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kadar, calon penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2022; dan Dayangku Norsafiah binti Pengiran Sapudin, yang merupakan Penulis Muda.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترن كحسنة
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai
program pemeriksaan
kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor
awda hari ini atau
layari
www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

AJK PESTA ADAU GAYOH KEBANGSAAN ANJUR MAJLIS PENGHARGAAN

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



TUTONG, Jumaat, 24 Mei. - Majlis Penghargaan Ahli Jawatankuasa Pesta Adau Gayoh Kebangsaan diadakan malam ini bagi memberikan penghargaan kepada mereka kerana telah berjaya mengendalikan pesta tersebut.

Majlis yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks



Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini, dihadiri oleh tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini yang juga selaku Pengerusi Majlis berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan daripada tetamu kehormat yang menzahirkan

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong yang juga selaku Pengurus Majlis berkenaan hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong menyampaikan sijil penghargaan kepada penerima. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

penghargaan kepada Majlis Perundungan Mukim dan Kampung Daerah Tutong selaku pengendali pesta, yang telah bekerja keras dan tanpa mengenal lelah dalam mempersiapkan segala-galanya, daripada perancangan hingga pelaksanaan Pesta Adau Gayoh yang diadakan pada Sabtu dan Ahad yang lalu.

Usaha dan dedikasi yang telah diberikan itu katanya, adalah sangat dihargai. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada ahli jawatankuasa yang disempurnakan oleh tetamu kehormat mailis.

Pesta Adau Gayoh yang diadakan itu adalah bukti keindahan dan kekayaan warisan budaya, dimana sambutan seperti ini menjadi platform untuk memperkenalkan budaya terutama sekali kepada generasi muda supaya tidak lapuk

ditelan zaman.

Melalui pesta berkenaan dapat memamerkan keunikan tradisi, makanan, muzik, tarian, dan pakaian tradisional yang mencerminkan identiti masyarakat dusun sejajar dengan tema pesta

kali ini, ‘Melestarikan Adau Gayoh Sebagai Warisan Budaya’.

Turut hadir pada majlis tersebut,
Ahli Majlis Mesyuarat Negara,
Yang Berhormat Awang Abdul Aziz
bin Haji Hamdan yang juga selaku
Ketua Kampung Sengkarai.

An advertisement for the PenggunaBijak app. The top right corner features the logo of the National Statistical Agency (BPS) and the Ministry of Finance. The main text on the left reads "Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia" and "Sila muat turun". Below this is the PenggunaBijak logo, which includes a magnifying glass over a shopping cart icon and the words "Pengguna Bijak Smart". In the bottom left, there is a photograph of various grocery items like a whole chicken, meat, onions, ginger, and eggs. To the right, a hand holds a smartphone displaying the PenggunaBijak app interface, which shows a list of selected food items with their prices. A small note at the top of the phone screen says "Nota pihak ketiga informasi key food yang diperlukan untuk mendukung penggunaan PenggunaBijak".

MKKJR adakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 23 Mei. - Majlis Kebangsaan
Keselamatan Jalan Raya (MKKJR)
telah mengadakan Majlis Membaca
Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat
dan Menunaikan Solat Fardu Asar
Berjemaah bertempat di Surau
Lapangan Terbang Antarabangsa
Brunei, petang tadi.

aktiviti berterusan pihak MKKJR bagi memohon doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya semua pengguna jalan raya terpelihara daripada sebarang kemalangan dan juga agar Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diberikan perlindungan dan keselamatan yang berterusan.

Ahli-ahli MKKJR, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC selaku Setiausaha MKKJR serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak-pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan diteruskan dengan menunaikan Solat Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Asyhraf bin Haji Bujang.

Pada kesempatan ini, sekali lagi pihak MKKJR ingin menyeru kepada pengguna-pengguna kenderaan di jalan raya supaya akan sentiasa memastikan kenderaan di dalam keadaan baik, berhati-hati dan berbudi bahasa ketika berada di jalan raya dengan memandu tidak melebihi had yang telah ditetapkan.

Selain itu, memastikan tiada gangguan semasa memandu termasuk penggunaan telefon bimbit dan sentiasa mencuba untuk mengekalkan jarak yang selamat antara kereta lain terutama sekali dalam keadaan cuaca hujan.



MAJLIS Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Solat Sunat Hajat dan Menunaikan Solat Fardu Asar Berjemaah bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



KHATAM AL-QURAN RAIKAN 64 MURID DARJAH VI JIS

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Jumaat, 24 Mei. - Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) meraikan seramai 64 murid Darjah VI yang telah

berjaya menamatkan pembacaan Al-Quran 30 Juzuk pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Art Centre, JIS, hari



ini.

Hadir menyemarakkan lagi acara berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Protokol, Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhammad Fakhri bin Haji Md. Taib yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatiyah bagi memulakan Majlis.

Seterusnya majlis diikuti dengan bacaan surah-surah Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha oleh para peserta khatam dan disusuli dengan Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Mateen bin Awang Ibno.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta khatam. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh salah seorang tenaga pengajar JIS, Awang Norimy bin Haji Ahad.

Acara tersebut merupakan



SETIAUSAHA Tetap (Protokol, Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut (atas). Manakala gambar kiri, antara pelajar Darjah VI yang menyertai Majlis Khatam tersebut.

aktiviti tahunan pihak sekolah dalam usaha melahirkan generasi pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam penghayatan beragama.

Memperkasa pelaksanaan Program Balai Talaqqi

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA semasa bergambar ramai pada majlis tersebut (kanan). Sementara gambar atas, para pelajar yang telah menghatamkan pembacaan dua kitab kuning secara bertalaqqi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menyempurnakan penyampaian sijil kepada 31 pelajar yang telah menghatamkan pembacaan dua kitab kuning secara bertalaqqi. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal.

Seramai 60 peserta yang mengikuti daurah tersebut terdiri daripada pelbagai pusat pengajian tinggi, antaranya Program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Brunei Darussalam, Cosmopolitan College, Kolej IGS Brunei Darussalam dan sebahagian besar



peserta ialah daripada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Program Balai Talaqqi dibahagikan kepada dua daurah, bagi pengajian dua kitab, Kitab Ayyuhal Walad dan Kitab Kharidah Bahiyyah telah bermula pada bulan Januari yang lalu dan mengambil masa lebih kurang tiga bulan untuk menghabiskan.

Daurah bagi pembacaan Kitab


Ayyuhal Walad karangan Imam Al-Ghazali disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar. Pembacaan bertalaqqi bagi Kitab Kharidah Bahiyyah karangan Imam Ahmad Ad-Dardir dalam Ilmu Kalam / Aqidah disampaikan oleh Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor. Antara objektif utama Program

Balai Talaqqi adalah untuk menghidupkan kembali tradisi masyarakat tempatan melalui talaqqi ilmu di balai-balai pengajian serta melahirkan lebih ramai anak-anak tempatan yang berkemahiran dalam pembacaan dan pengajaran Kitab-kitab Turath. Seterusnya, Program Balai Talaqqi ini bakal menjalankan tiga daurah pada awal bulan Ogos.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU



TINGKAT KEFAHAMAN MENGENAI GARIS PANDUAN AIP



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri dalam ucapan alu-aluananya (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada Jerayawara Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2024.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Pembaharuan dan penambahbaikan adalah mustahak berlaku, apakah lagi kita terus sahaja berdepan dengan cabaran-cabaran yang membawa kepada ketidaktentuan, kompleksiti, dan gangguan yang boleh menjelaskan kemajuan dan pencapaian sasaran-sasaran berkeutamaan.

Justeru, keperluan membina dan menerapkan budaya yang betul dalam Perkhidmatan Awam (PA) untuk menangani cabaran-cabaran tersebut, adalah sangat penting, sebagai sebuah PA yang sentiasa menghargai kecekapan, kerjasama, dan pembelajaran sepanjang hayat.

Perkara tersebut antara yang ditekankan dalam ucapan alu-aluan Timbalan Setiausaha

Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku tetamu kehormat semasa acara Jerayawara Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2024 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit, di sini.

Menurutnya, kesemua ini juga menuntut pendekatan terbuka dalam pentadbiran dan pengurusan, di samping perlu melibatkan dan memperoleh idea daripada semua peringkat, sama ada dari dalam maupun luar organisasi.

"Kepimpinan yang kukuh tetap penting, namun ia perlu didukung usaha bersistematis, yang menggalakkan penglibatan keseluruhan organisasi, menjalin hubungan dengan orang ramai, membangunkan pemahaman bersama mengenai isu-isu, dan seterusnya memperoleh manfaat

daripada pengalaman dan pandangan orang lain.

"Demikianlah betapa PA itu selaku nadi dan pemangkin kemajuan dalam pentadbiran negara, untuk sentiasa menghasilkan idea-idea inovatif, dan berimpak besar.

"Ini adalah pada mengimbangi perubahan, dan evolusi dalam landskap sektor awam yang cepat berubah, di samping menanai tanggungjawab untuk memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat," ujarnya lagi.

Apa yang pasti tambahnya, inovasi tersebut tidak hanya berfungsi sebagai cara kreatif untuk menangani masalah, bahkan menerusi cetusan idea yang kreatif dan inovatif, akan dapat meningkatkan prestasi negara ke tahap yang lebih tinggi serta kekal berdaya saing dan relevan dalam menelusuri arus perubahan globalisasi.

Beliau seterusnya berharap, menerusi penganjuran Jerayawara AIP yang buat julung kalinya diadakan tersebut, akan dapat mengukuhkan lagi kefahaman terhadap inti pati garis panduan AIP serta perkara-perkara berkeutamaan lainnya, khususnya dalam memantapkan persediaan kementerian dan jabatan yang akan menyertai anugerah tahun ini.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, dan diteruskan dengan sesi taklimat AIP yang disampaikan oleh Pegawai Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), JPM, Dayang Rahimah binti Haji Mohd. Yussof.

Jerayawara AIP bagi tahun 2024 diadakan sebagai salah satu inisiatif MSD, JPM untuk menggalakkan inovasi urus tadbir baik (*good governance*) dalam PA.



Tujuan Jerayawara AIP diadakan adalah bagi membarigakan pembukaan AIP bagi tahun 2024, sekali gus untuk menarik dan menggalakkan warga PA sama ada secara perseorangan atau berkumpulan daripada setiap kementerian / jabatan untuk menyertai AIP.

Penyertaan AIP pada tahun ini menumpukan kepada penyertaan kertas projek, iaitu bagi projek yang telah dilaksanakan dan telah menampakkan hasil / natijah dan impak yang besar / positif bukan sahaja ke atas PA malah kepada pihak berkepentingan / stakeholders khususnya kepada orang ramai.

Penyertaan AIP juga menumpukan kepada beberapa bidang tertentu seperti meningkatkan penyampaian PA melalui aplikasi teknologi info komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu; inovasi dalam PA; meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti, dan tindak balas dalam PA; dan penambahbaikan kualiti proses dalam PA yang menyumbang kepada

mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan Ease of Doing Business (EODB).

Penggalakan warga PA untuk menyertai AIP tersebut juga adalah bagi menyebarluaskan amalan terbaik (*best practices*) atau kaedah yang berjaya dan berkesan yang boleh dijadikan sebagai contoh (*role model*) kepada agensi-agensi sektor awam yang lain, di samping untuk meningkatkan lagi motivasi dan galakan kepada penjawat awam untuk lebih giat melaksanakan inovasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Turut hadir pada acara tersebut adalah wakil daripada setiap kementerian dan jabatan dalam PA.

Maklumat berkaitan AIP boleh didapati dan dimuat turun melalui laman sesawang MSD, <http://www.msd.gov.bn> dan bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenainya bolehlah menghubungi MSD melalui talian +673 2382064/5/6 atau melalui e-mel info.msd@msd.gov.bn.

Tingkatkan piawaiian keselamatan elektrik di tempat kerja



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Dalam usaha bersepudu bagi mempertingkatkan kesedaran keselamatan elektrik di tempat kerja, Jawatankuasa Keselamatan Elektrik (Electrical Safety Committee - ESCOM), yang telah ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), menganjurkan pembangunan Amalan Terbaik Keselamatan Elektrik dengan tujuan untuk meningkatkan piawaiian keselamatan elektrik di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Dalam ucaptama pada pelancaran majlis tersebut, Pengiran Haji Jamra Weira meneckankan bahawa terkena renjata elektrik adalah salah satu bahaya yang paling biasa berlaku di tempat kerja, terutamanya dalam Sektor Pembinaan.

Menurutnya, dengan mengenal pasti bahaya elektrik akan membantu meningkatkan kesedaran tentang risiko dan tahap keterkannya.

Beliau turut melahirkan harapan agar pihak jawatankuasa akan terus mengambil pendekatan strategik dan kolektif bersama dalam sinergi yang lebih baik untuk menangani isu semasa dan akan datang, termasuk amalan pemasangan elektrik yang sesuai dan selamat, serta mematuhi Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009, juga peraturan yang berkaitan.

Pelancaran tersebut menyaksikan garis panduan utama yang dihasilkan oleh ESCOM, meliputi pelbagai topik penting termasuk pencihayaan awam, ujian alat mudah alih, dan pendawaian Voltan Rendah (LV) serta keselamatan peralatan elektrik.

Selain itu, acara tersebut juga menyediakan sebuah platform penting untuk kontraktor dan pihak yang berkepentingan dalam industri elektrik untuk memperdalam

pemahaman mereka dalam pemasangan elektrik dan peralatan yang selamat.

Pakar-pakar dari ESCOM telah membentangkan amalan terbaik dengan menekankan penggunaan alat elektronik yang selamat serta faedah-faedahnya untuk industri.

Di samping itu, sesi interaktif tersebut juga membenarkan para peserta berinteraksi dengan ahli panel untuk membincangkan cabaran serta jalan penyelesaian kerjasama untuk melaksanakan piawaiian keselamatan tersebut secara berkesan.

Sejajar dengan visi Wawasan Brunei 2035, inisiatif ESCOM bertujuan untuk mencapai sifar kematian di tempat kerja.

Tambahan pula, komitmen tersebut berlandaskan daripada kejadian terkini seperti kecederaan parah dari *flashover* yang berlaku pada Jun 2023 dan kematian akibat renjata elektrik yang berlaku pada Disember 2022.

Dengan adanya dokument-dokumen penting tersebut ia mungkin menggalakkan keselamatan elektrik dan pematuhanya di tempat kerja di negara ini serta meningkatkan tahap piawaiian keselamatan.

Dokumen amalan terbaik Keselamatan Elektrik adalah tersedia di laman sesawang SHENA di bawah ESCOM dalam bahagian Publications dengan memilih External Info di bawah General.



SEKITAR pembarigaan Amalan Terbaik Keselamatan Elektrik yang tujuan untuk meningkatkan piawaiian keselamatan elektrik di seluruh negara (atas dan bawah).



دعا ممohen كفـد الله سقـاي قـرـسـلامـة درـقـدـ بلاـءـ دـانـ سـكـلـ جـنـيـسـ فـيـاـكـيـت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْعِيهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْعِيهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَمَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْدِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرْصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْعَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُوْمٌ لَمَّا فَرَقَ السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَالِكَ يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا يَأْذِنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْبَيْسِيَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعَهْدُ، وَتَنْفَرُجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْفَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعْ مباوا اكيرا ونتو عن ساعت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(1)

حَسِّبْنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu juga, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah juga).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(5)

MAJLIS HAFL AT-TAKHARRUJ, PENYAMPAIAN HADIAH PELAJAR MA'HAD ISLAM BRUNEI



Al-Takharruj dan Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik dan Cemerlang bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Seramai 40 orang lepasan pelajar Ma'had Islam Brunei menerima sijil dan hadiah bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level Tahun 2023.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada 52 pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), SPE dan juga peperiksaan akhir tahun yang lalu.

Seterusnya, diikuti dengan penyampaian sijil kepada para tenaga pengajar yang mencapai kecemerlangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian sijil-sijil dan hadiah, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua, Ma'had Islam Brunei, Dayang Sarimah binti Haji Ahmad yang kemudiannya juga turut diserikan dengan Persembahan Baca Puisi Bahasa Arab.

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada penerima (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

TUTONG, Rabu, 22 Mei. - Bagi cemerlang dalam peperiksaan awam menghargai usaha dan meraikan kejayaan para pelajar yang Brunei mengadakan Majlis Hafl

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!

!


!

</div



ADAB BERKOMUNIKASI DI MEDIA SOSIAL

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 15 ZULKAEDAH 1445H/24 MEI 2024M



DALAM PERGAULAN SEHARIAN DENGAN MENGGUNAKAN ALAT-ALAT KOMUNIKASI, KITA HENDAKLAH MENGAMALKAN CARA BERKOMUNIKASI MENURUT AJARAN AGAMA KITA, ANTARANYA:

- 1** JANGANLAH BERKOMUNIKASI DENGAN CARA MERENDAHKAN DAN MENCACI-MAKI ORANG LAIN
- 2** JANGANLAH MENDEDAKHAN KEIBAN SESEORANG/ MENYEBARKAN KEBURUKAN SESEORANG
- 3** JANGANLAH MENGGELAR SESEORANG DENGAN GELARAN YANG TIDAK DISUKAINYA
- 4** MENJAGA TUTUR BICARA DAN PERKATAAN AGAR TIDAK MENDATANGKAN KEMARAHAN ORANG LAIN
- 5** TABAYYUN: MENSABITKAN DAN MENYEMAK ASAS KEBENARAN SESUATU PERKARA
- 6** JAUHILAH DARI BERPRASANGKA BURUK DAN MENCARI-CARI KESALAHAN

SEBAGAI PENGGUNA MEDIA SOSIAL YANG BIJAK, KITA HENDAKLAH SENTIASA:

MUHASABAH DIRI



BERITA PALSU



SENTIASA BERUSAHA MENJAGA SETIAP TINGKAH LAKU DAN TUTUR KATA TERUTAMANYA KETIKA BERKOMUNIKASI DI MEDIA SOSIAL



IKLAN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
- 3 Lengkapkan Profil PSCR 2.0
- 4 Lengkapkan Kelulusan (Reputasi / pangkat tertua subjek / bidang ketulenan)
- 5 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sif, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Ketulenan (MKPK) yang berkenaan)
- 6 Tandakan "I" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengiktirafan Kerjaan"
- 7 Lengkapkan Maklumat (Borang peperiksaan / Raportikatan Perkhidmatan Awam / laporan-laporan teknikal profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam iklan)

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
+673 7371961
PSC.BN
query@spa.gov.bn



قوس قرطاجن بروني
PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Expression Of Interest (EoI)


Bilangan Rujukan Projek:
JPM / PPB / IT / EOI / MPMS / 2024

Tajuk Projek:
The Supply, Design, Development, Implementation, Testing and Support of the Manpower Program Management System (MPMS) for Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

Tarikh Tutup:
Selasa, 4 Jun 2024

Syarat-Syarat Tawaran:

- Dokumen borang EOI serta penerangan lanjut mengenai projek tersebut bolehlah diperoleh daripada pautan QR seperti berikut:



2. Dokumen EOI lengkap (**softcopy**) hendaklah dihantar ke alamat e-mel mpec.tender@jpm.gov.bn dengan menyatakan tajuk projek tersebut sebagai *subject* di dalam e-mel berkenaan.

3. Permohonan tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 4.00 Petang, Selasa, 4 Jun 2024**.

4. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan serta senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelum hendaklah juga disertakan sama

**Iklan Tarikh Lanjutan****Pemberitahuan Tawaran****Bilangan Rujukan dan Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / 2024 / TA / VEH / 001

Pembelian Personnel Equipment Transport Complete With Trailer – Kuantiti Empat (4) Buah

Tarikh Mula Tawaran:

6 Mei 2024

Yuran Tawaran:

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran ialah **Selasa, 7 Jun 2024**.

Tarikh Tutup Tawaran dilanjutkan kepada :

Selasa,
25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**

JDB / SH01 / PSK2024-2025

Tajuk Tawaran:
To Supply And Delivery Toner And Ink Cartridges For Information And Technology Unit, Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:

BND10.00

Tarikh Tutup:

Selasa, 11 Jun 2024

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI****Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

ANS / 2024 / SH-03
Supply And Delivery Of Documents For SAR Unit Reference

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:

Rabu, 22 Mei 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:

Selasa, 4 Jun 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:

Rabu, 5 Jun 2024

Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tajuk Iklan:**

Mechanical And Electrical Term Maintenance For Kompleks Rumah Kebajikan Subok & Pusat Bahagia Pulaie Jabatan Pembangunan Masyarakat For A Period Of Twenty Four (24) Months

Rujukan Iklan:

M&E / 2024 / JAPEM / KRKPB / RB-TERM

Tajuk Iklan:

General Building Term Maintenance Kompleks Rumah Kebajikan Subok & Pusat Bahagia Pulaie Jabatan Pembangunan Masyarakat For A Period Of Twenty Four (24) Months

Rujukan Iklan:

BUILDING / 2024 / JAPEM / KRKPB / RB-TERM

Bayaran Yuran Tawaran :

BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Khamis,
13 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI****Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

ANS / 2024 / SH-02
The Supply, Install And Replace Lighting Materials At ATSC Ground Floor', Department Of Civil Aviation

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga:

Rabu,
22 Mei 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:

Selasa,
4 Jun 2024

Tarikh tutup Sebut Harga:

Rabu,
5 Jun 2024

Tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWA DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 06 / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
Membekal Perabot Untuk Kegunaan Blok 'A' & 'B' Gerai Selera Tutong

Tarikh Buka Tawaran :
Rabu, 22 Mei 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 5 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI****Pemberitahuan Sebut Harga****Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**

RTB / K / 28 / 24-25
Perkhidmatan Penggambaran Dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 38 / 24 - 25
Term Contract of Thirty - Six (36) Months Period For Towing Services For All RTB Vehicles

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 39 / 24 - 25
Supply, Lay and Install Power Cable in Main Building, RTB Broadcasting Complex, Sungai Akar.

Yuran Sebut Harga / (termasuk e-dokumen):

BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Mei 2024
Jam 2.00 Petang




Notis Sebut Harga
Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 33 / 24 - 25
Supply And Delivery Of LTO-8 Data Tape Media

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 34 / 24 - 25
Supply And Delivery Of Non-Linear Editing Workstation For Post Production

Bayaran Yuran:

BND5.00



(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
12 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang.


Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(a)

Hanya dibuka bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan :
Penolong Ketua Pustakawan

Tangga Gaji:
UB.3 (BND4,600 - BND5,200)

Kekosongan:
1 Orang

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

Menghadapkan Permohonan
Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini: <https://bit.ly/PenKetuaPustakawan UBD2024>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 5 Jun 2024.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**PEJABAT SUMBER TENAGA MANUSIA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [U.P: BAHAGIAN PENGAMBILAN]**

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (shortlisted) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



I Dan II

Kategori:
KA01 dan B01

Tarikh Tutup:
4 Jun 2024
(Selasa)


Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 03 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
kerja-kerja pembentukan kerosakan kecil dan mencat bangunan gerai selera tutong, jalan menteri taib, pekan tutong

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 04 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
kerja-kerja penyelenggaraan aset-aset jabatan bandaran tutong (banglo jkr no. 82 & 83 kelas 'f', jalan sungai basong).

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 12 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang


Pemberitahuan Sebut Harga


Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 25 / 24-25

- pembelian harta benda (prop)
Untuk Rancangan TV

Yuran Sebut Harga / (termasuk e-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 Mei 2024
Jam 2.00 Petang



JPt / TAW / 05 / 2024 – 2025 :
Improvement And Upgrading Of KKP Tungku Domestic Water Supply.

(Yuran Tawaran: BND100.00 /
Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Mula Tawaran:
Selasa,
21 Mei 2024.

Tarikh Tutup :
Selasa,
25 Jun 2024



JPt / TAW / 06 / 2024 – 2025 :
kerja-kerja penyambungan bekalan air domestik bagi kawasan kemajuan pertanian batang mitus (buah), tutong

(Yuran Tawaran: BND30.00 /
Borang Tawaran: BND15.00)

Tarikh Mula Tawaran :
Selasa,
1 Mei 2024.

Tarikh Tutup :
Selasa,
25 Jun 2024



Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 02 / 2024

Tajuk Tawaran:
Quotation To Lay New Tiles At Dewan Jabatan Daerah Belait Cawangan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan rang iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tin, ayat 4 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya".

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian, antaranya dengan menganugerahkan akal fikiran. Dengan akal fikiran, manusia dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil.

Dengan akal fikiran juga manusia dapat menyelesaikan apa saja permasalahan yang dihadapi dan mampu mencapai pelbagai kemajuan antaranya mencipta peralatan-peralatan komunikasi. Secara hakikatnya dengan terciptanya alat komunikasi ini, maka kita dapat melihat penyaluran maklumat begitu cepat sama ada melalui media massa, media sosial dan seumpamanya.

Adab berkomunikasi di media sosial

Perlu diingat, bahawa peralatan komunikasi masa kini, ibarat sebilah pisau yang dapat memberi kebaikan kepada kita sekiranya betul cara menggunakanannya. Akan tetapi pisau yang sama juga boleh mendatangkan kemudaran kepada kita sekiranya disalah guna.

Ini kerana kita sebagai manusia kadangkala mudah terlupa akan batas-batas agama serta dosa dan pahala sehingga ada yang sanggup menggunakan alat komunikasi untuk menjatuhkan atau mendedahkan keibaian seseorang termasuklah menyebarkan fitnah dan yang lebih dahsyat lagi, ada yang sanggup mencipta berita palsu, dokumen palsu, gambar palsu yang disebarluaskan melalui internet dan media sosial hanya semata-mata untuk tujuan jahat.

Antara cara bagi kita untuk melestarikan dan mengekalkan keharmonian hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara itu ialah dengan menjaga adab dan tingkah laku dalam pergaulan kita antara satu sama lain. Perkara tersebut adalah salah satu cabang ketinggian akhlak dan kemuliaan keperibadian seseorang. Ini termasuklah juga ketika kita berkomunikasi. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sebaik-baik orang mukmin adalah yang paling baik akhlaknya". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Di satu sisi, tidak dapat disangkal bahawa pelbagai bentuk media digital berdasarkan media sosial telah memberikan kemudahan dan manfaat yang luar biasa kepada masyarakat. Seluruh lapisan masyarakat pada masa kini menjadikan media sosial sebagai medium informasi dan perhubungan dalam kehidupan sehari-hari.

Akan tetapi di sisi yang berbeza, media sosial itu sekiranya disalah guna, maka ia juga berperanan sebagai medium untuk menyebarluaskan perkara-perkara yang tidak baik. Justeru, dalam pergaulan sehari-hari dengan menggunakan alat-alat komunikasi, kita hendaklah mengamalkan cara berkomunikasi menurut ajaran agama kita, antaranya :

Pertama : Janganlah berkomunikasi

dengan cara merendahkan dan mencaci maki orang lain.

Kedua : Janganlah mendedahkan keibaian seseorang atau menyebarkan keburukan seseorang.

Ketiga : Janganlah menggelar seseorang dengan gelaran yang tidak disukainya.

Keempat : Menjaga tutur bicara dan perkataan agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain. Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bukanlah seorang mukmin yang suka mencela, melaknat, berbuat dan berkata keji dan kotor". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Kelima : Tabayyun iaitu mensabitkan dan menyemak asas kebenaran sesuatu perkara. Oleh yang demikian, setiap perkara, informasi, berita ataupun perkhabaran yang kita terima dan peroleh itu hendaklah diselidiki dan disiasat terlebih dahulu kebenaran dan kesahihannya sebelum memviral atau menularkannya ke laman-laman sosial dan aplikasi-aplikasi tertentu. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', ayat 36 yang tafsirnya : "Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan mengenainya".

Keenam : Jauhilah dari perasaan buruk dan mencari-cari kesalahan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jauhilah prasangka kerana prasangka itu adalah ucapan yang paling dusta, janganlah suka mencari-cari keibaian atau kelemahan orang lain, janganlah suka mencari-cari isu, saling mendengki saling membela-kangi serta saling membenci tetapi jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mencegah umatnya daripada bersifat buruk sangka dan mencari-cari kesalahan orang lain. Ini kerana sifat-sifat tersebut akan membawa kepada perbuatan umpat dan fitnah. Pada

zaman moden ini, perbuatan mengumpat dan menabur fitnah itu semakin mudah disebarluaskan.

Perlu diingat, bahawa dalam agama kita, mengumpat dan memfitnah itu adalah satu perbuatan yang haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan menjaga diri kita daripada melakukan perbuatan yang boleh mengundang kepada kata-kata umpat dan fitnah. Ini kerana bahaya umpat dan fitnah itu bukan sahaja menyebabkan kita mendapat dosa besar malah mengakibatkan kita tidak akan dapat memasuki Syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Huzaifah bin al-Yaman Radiallahuanhu bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Penabur fitnah tidak akan masuk Syurga". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya media sosial pada dasarnya adalah untuk mempermudahkan sesuatu. Oleh yang demikian, media sosial itu sekiranya digunakan dengan niat yang betul maka ia akan membawa kepada manfaat dan kesejahteraan hidup, akan tetapi sekiranya media sosial itu disalah guna maka ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan.

Justeru, sebagai pengguna media sosial yang bijak, kita hendaklah sentiasa muhasabah diri dan sentiasa berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita terutamanya ketika kita berkomunikasi di media sosial. Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi diri kita daripada melafazkan turut kata dan daripada melakukan tingkah laku yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpamu orang-orang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksanya". (Surah Anfal, ayat 25)

Politeknik Brunei ke arah transformasi digital

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Sekolah Sains Kesihatan di Politeknik Brunei (PB), dengan kerjasama Perpustakaan dan Pusat Pembelajaran, Sekolah ICT dan Bahagian Teknologi Maklumat telah menganjurkan bengkel inovatif bagi meneroka bagaimana percetakan 3D dapat merevolusikan pendidikan kesihatan selama sehari bertempat di Bilik Latihan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif (CiTL), Aras 7, PB.

Inisiatif tersebut selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Rancangan Induk Ekonomi Digital 2025, Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2027 dan Rancangan Pembangunan Lima Tahun PB 2021 hingga 2025.

Ia adalah sebahagian daripada strategi untuk mengintegrasikan teknologi canggih ke dalam kurikulum yang mencerminkan komitmen institusi terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sedia masa depan.

Bengkel bertajuk 'Transformasi Digital Sekolah Sains Kesihatan : Menyelidiki Potensi Integrasi Teknologi Cetakan 3D Bagi Peningkatan Pencapaian Pengajaran dan Pembelajaran' telah menggabungkan 20 peserta

daripada tenaga pengajar Sekolah Sains Kesihatan bersama dengan profesional dalam bidang kesihatan dan wakil-wakil dari sekolah lain di PB.

Acara tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengetua PB, Awang Haji Mohammad Jaafar bin Haji Johari.

Selepas ucapan pembukaan, satu siri sesi yang menarik dan informatif dimulakan yang dirancang untuk melengkapi para peserta dengan pengetahuan teori dan pengalaman praktikal dalam teknologi cetakan 3D.

Fokus utama bengkel tersebut adalah bagaimana cetakan 3D dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada peserta bengkel, tetapi juga kepada seluruh komuniti PB dan profesional dalam bidang kesihatan.

Dengan mencipta model 3D yang realistik seperti organ, tulang, dan keadaan penyakit, pelajar dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang anatomii dan patologi manusia.

Teknologi 3D juga boleh digunakan dalam bidang pergi-gian dan ortodontik untuk menunjukkan prosedur dan merancang rawatan yang bersesuaian.

Bengkel tersebut turut membincangkan sumber dan



SERAMAI 20 peserta menyertai bengkel bertajuk 'Transformasi Digital Sekolah Sains Kesihatan : Menyelidiki Potensi Integrasi Teknologi Cetakan 3D Bagi Peningkatan Pencapaian Pengajaran dan Pembelajaran' anjuran Sekolah Sains Kesihatan di Politeknik Brunei (PB), dengan kerjasama Perpustakaan dan Pusat Pembelajaran, Sekolah ICT dan Bahagian Teknologi Maklumat.

peralatan yang diperlukan untuk mengintegrasikan cetakan 3D ke dalam pendidikan dengan berkesan termasuk pendekatan penilaian untuk menguji kemahiran pelajar.

Selain itu, perbincangan juga merangkumi penyelenggaraan dan ketahanan peralatan cetakan 3D.

Bengkel tersebut merupakan langkah penting ke arah transformasi

digital dalam pendidikan kesihatan di PB.

Dengan melengkapi tenaga pengajar dengan kepakaran dalam cetakan 3D, Sekolah Sains Kesihatan menyasarkan untuk mempersiapkan pelajar menghadapi cabaran masa depan dalam bidang kesihatan.

Rancangan seterusnya

ialah untuk meneruskan sesi latihan lanjutan dan menerokai penggabungan teknologi yang lebih canggih seperti Kecerdasan Buatan (AI), Realiti Maya (VR), dan Realiti Diperkaya (AR) ke dalam kurikulum untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang sangat menyeronokkan dan menarik untuk pelajar.

KETENGAHKAN GENERASI MUDA DALAM MEMELIHARA KHAZANAH SENI BERPANTUN



PEMANGKU Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit hadir selaku tetamu khas pada acara Mari Berbalas Pantun (atas), manakala gambar atas kanan, Mari Berbalas Pantun yang dilaksanakan adalah sebagai medium untuk meningkatkan minat dalam kalangan generasi muda untuk mengenal dan menguasai seni berpantun. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada acara berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Sebanyak lapan kumpulan terdiri daripada peringkat sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam dan Institusi Pengajian Tinggi pagi tadi menyertai acara Mari Berbalas Pantun yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Hadir selaku tetamu khas pada acara tersebut, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Format pertandingan tersebut menyasarkan kepada keupayaan dan kreativiti setiap kumpulan untuk menyambung baris pantun dalam masa 60 saat pada pusingan pertama, manakala pada pusingan kedua, setiap kumpulan

dikehendaki untuk berbalas pantun berdasarkan konsep ‘jual beli’ pantun dengan berpandukan tema yang diberikan dalam masa 120 saat.

Tiga panel hakim terdiri daripada Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba selaku Ketua Hakim, Awang Beelie bin Tengah dan Awang Noorshamsuddin bin Haji Md. Yassin.

Manakala Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Matarsat selaku Pengurus Pertandingan.

Dengan anjuran DBP melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, Mari Berbalas Pantun merupakan salah satu pengisian kegiatan Pesta Pantun Melayu Brunei yang



berbentuk pertandingan.

Kegiatan Mari Berbalas Pantun yang dilaksanakan adalah sebagai medium untuk meningkatkan minat dalam kalangan generasi muda untuk mengenal dan menguasai seni berpantun.

Antara objektif kegiatan juga adalah untuk mencungkil, mengetengahkan dan menyerlahkan bakat-bakat baharu sebagai generasi pelapis yang akan mengekalkan, mengangkat dan memelihara khazanah seni berpantun.

Di samping itu, ia juga dapat memupuk semangat cintakan kesenian dan kebudayaan bangsa dan sekali gus mengukuhkan lagi upaya pencalonan pantun Melayu Brunei dalam Daftar Representatif dalam Warisan Budaya Tidak Ketara, UNESCO.

Pengumuman dan penyampaian hadiah bagi Mari Berbalas Pantun diadakan semasa Majlis Penutupan Pesta Pantun Melayu

Oleh : Saerah Hajji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Brunei yang diadakan pada sebelah petang.

Turut hadir ialah Pemangku

Timbalan Pengarah DBP, pegawai-pegawai kanan DBP, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah.



Tingkatkan kesedaran mengenai kepentingan kebersihan tangan

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Jururawat Pencegahan dan Kawalan Jangkitan dan Jururawat Penghubung Kawalan Jangkitan juga membuat pemantauan ke wad-wad dan klinik-klinik untuk menilai pekerja penjagaan kesihatan, termasuk katerer dan pembersih hospital dalam melakukan rutin kebersihan tangan mengikut enam langkah kebersihan tangan.

Dapat daripada pemantauan tersebut akan digunakan untuk perancangan latihan yang sesuai mengenai kebersihan tangan.

Hari Kebersihan Tangan Sedunia disambut setiap tahun pada 5 Mei untuk meningkatkan kesedaran global tentang kepentingan kebersihan tangan dalam penjagaan kesihatan dan

KEMPEN yang diadakan pada 11 hingga 18 Mei 2024 tersebut melibatkan pameran setengah hari bagi mempromosikan kebersihan tangan.

untuk menyatukan orang ramai dalam menyokong meningkatkan kebersihan tangan di seluruh dunia.

Tema bagi Hari Kebersihan Tangan Sedunia tahun ini ialah untuk menggalakkan pengetahuan dan pembangunan keupayaan pekerja penjagaan kesihatan, melalui latihan dan pendidikan yang inovatif dan berkesan mengenai Pencegahan dan Kawalan Jangkitan, termasuk kebersihan tangan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menekankan kepentingan latihan pekerja kesihatan untuk peningkatan yang mampu dalam Pencegahan dan Kawalan Jangkitan (Infection Prevention and Control - IPC), termasuk kebersihan tangan kerana ia adalah merupakan cara yang sangat berkesan, untuk menghentikan penyebaran mikroorganisma berbahaya dalam penjagaan kesihatan.

Objektif untuk Hari Kebersihan Tangan Sedunia 2024 adalah memperkuuh pendekatan pembelajaran, untuk membolehkan pelaksanaan latihan yang inovatif dan berkesan, selain memperkasa pekerja penjagaan kesihatan

untuk meningkatkan kebersihan tangan dan IPC di tempat penjagaan dengan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang dipertingkatkan.

Selain itu, menggalakkan akses kepada kebersihan tangan yang inovatif dan sumber latihan IPC untuk pekerja penjagaan kesihatan, serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengetahuan dan pembelajaran, mengenai menjaga kebersihan tangan pada masa yang sesuai, untuk mencegah pelbagai penyakit berjangkit.

Dan juga menggalakkan mekanisme pengukuran dan penilaian, untuk menilai kesan latihan dan pendidikan terhadap piawaian dan amalan IPC termasuk kebersihan tangan, serta kesannya terhadap Pencegahan dan Kawalan Jangkitan (Infection Prevention and Control - IPC), termasuk kebersihan tangan kerana ia adalah merupakan cara yang sangat berkesan, untuk menghentikan penyebaran mikroorganisma berbahaya dalam penjagaan kesihatan.


- HAI) dan Rintangan Antimikrob (Antimicrobial Resistance - AMR).

Kebersihan tangan adalah satu cara untuk melindungi kakitangan penjagaan kesihatan dan pesakit yang menerima penjagaan.

Tindakan mudah dengan membersihkan tangan boleh menghalang penyebaran mikroorganisma, termasuk yang terhadap antibiotik.

Sesetengah kakitangan penjagaan kesihatan mungkin perlu membersihkan tangan mereka sebanyak 100 kali semasa syif kerja.

Menjaga kesihatan dan kebersihan kulit tangan kakitangan penjagaan kesihatan, adalah satu cabaran yang memerlukan semua kakitangan penjagaan kesihatan berpengetahuan tentang cara menjaga tangan mereka dan bila tangan perlu dibersihkan.



KEBERSIHAN tangan adalah satu cara untuk melindungi kakitangan penjagaan kesihatan dan pesakit yang menerima penjagaan.

UNN tekankan kesihatan mental, kesejahteraan kakitangan



SESI perkongsian mengenai program gaya hidup sihat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei.-Bulan Kesedaran Kesihatan Mental (MHAM) disambut di peringkat antarabangsa sepanjang bulan Mei, dan menekankan kepada dialog terbuka, memupuk empati dan persefahaman, dan berkongsi sumber untuk menyokong individu dalam perjalanan mereka ke arah kesejahteraan mental.

Unified National Networks (UNN) meraikan MHAM dengan menggalakkan kakitangannya mengamalkan pilihan hidup yang lebih sihat dan menggalakkan mereka melatih diri sama ada berehat sebentar atau menyertai aktiviti, untuk mengutamakan kesihatan mental mereka tanpa rasa bersalah atau malu.

Syarikat itu berkongsi inisiatif yang bermula sejak 2021 untuk kesihatan mental dan mewujudkan ruang yang positif serta selamat

yang memperkasakan kakitangan dalam meningkatkan kesejahteraan mental mereka dan mengekalkan keseimbangan kerja-kehidupan (*work-life balance*) yang sihat.

Salah satu perkara yang paling penting untuk membantu melindungi kesihatan mental ialah pergerakan badan atau aktiviti fizikal yang kerap dan di sinilah pasukan UNN Employee Safety and Wellness (ESW), UNN Change Management (CM) dan UNN Corporate Communications & PR (CCPR) bekerjasama untuk mengatur dan memperkenalkan aktiviti ini untuk kakitangan UNN mengambil bahagian secara individu atau sebagai satu pasukan.

Pada awal bulan Mei, kakitangan UNN telah diperkenalkan kepada satu set 25 matlamat kecil namun menyeronokkan yang boleh dicapai oleh mereka dalam bulan Mei sempena MHAM

2024 seperti mengecilkan ruang kerja, menggunakan tangga dan bukannya lif, melakukan satu kerja sendiri, aktiviti penjagaan, makanan tengah hari yang sihat dan seimbang, atau menyertai satu kejohanan antara rumah UNN - yang kesemuanya bertujuan untuk menggalakkan kakitangan berehat daripada duduk di stesen kerja mereka, bergerak dan meraikan diri mereka dengan menjaga minda dan badan mereka.

Sejak dengan ini, Program Gaya Hidup Sihat UNN (HLP) yang bermula sejak 2021, menggalakkan kakitangan UNN membentuk komuniti berdasarkan hobi mereka, menganjurkan aktiviti yang mereka suka dalam komuniti ini dan berhubung dengan rakan sekerja yang sehaluan melalui kegembiraan menyertai aktiviti ini bersama-sama.

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks

Pada September 2023, di bawah program ini, Rumah Sukan UNN telah ditubuhkan, di mana kesemua 700 kakitangan UNN ditugaskan ke rumah masing-masing secara rawak untuk menjalankan hobi mereka dalam skala yang lebih luas dan kompetitif.

Antara Januari 2024 dan Mac 2024, kakitangan dari empat Rumah Sukan UNN perlu bersaing antara satu sama lain dalam kejohanan antara rumah seperti futsal, bola jaring, boling, paintball dan e-Sukan serta bersaing dengan komuniti lain dari Darussalam Assets (DA), Datastream Digital (DST), Imagine dan Progresif dalam perlawanan persahabatan futsal, badminton, dan bola jaring.

UNN juga telah mengadakan sesi perkongsian untuk melibatkan diri dengan pekerjaan secara berkala, yang mana sesi perkongsian dalam berkisar tentang nilai teras UNN dan menampilkan individu atau pasukan dari UNN yang bersemangat untuk berkongsi pengalaman peribadi dan kerja, sumber dan maklumat dengan rakan sekerja mereka dan mewujudkan dialog terbuka untuk menormalkan perbualan ini dan akhirnya memperkasakan mereka untuk belajar cara mengambil menjaga diri sendiri, bekerja secara produktif dan berkesan menangani tekanan kerja dan kehidupan.

Sementara sesi perkongsian luaran menampilkan kaunselor agama dan pengamal profesional dari Pusat Promosi Kesihatan (HPC) dan Clarity Brunei untuk memberikan pekerja dengan pandangan tentang kepentingan kesihatan mental, jenis isu kesihatan mental yang biasa di tempat kerja, dan cara untuk mendapatkan

bantuan dan sokongan untuk menangani tekanan yang boleh membawa kepada kesihatan mental yang lemah.

Pada bulan April, Hari Keselamatan UNN Ke-3 telah dianjurkan untuk merangkumi pelbagai aktiviti, ceramah dan pameran oleh HPC yang memperkenalkan kursus dalam talian mereka tentang kesihatan mental dan aktiviti fizikal di tempat kerja dan menyediakan penilaian kesihatan asas kepada pekerja UNN yang mengambil bahagian pada hari itu; Trophy yang menjalankan penilaian postur untuk menilai postur pekerja dan membimbing peserta membuat pelarasan yang diperlukan untuk ergonomik yang lebih baik; Inspektor SHENA, Nabilah Haji Abd Rahim pula berkongsi pandangan tentang membina budaya pematuhan; Pengajar Kanan HSE dan Perunding, James Pretty dari Megamas menyampaikan ceramah mengenai budaya keselamatan.

Megamas dan KMST Sdn. Bhd. turut menyumbang kepada acara itu dengan mempromosikan kursus dan produk keselamatan dan kesihatan mereka.

Secara keseluruhan, inisiatif ini mempunyai satu matlamat asas, iaitu untuk membina rangkaian sokongan dalam syarikat untuk kesejahteraan pekerja. UNN terus menyokong sepenuhnya penerapan budaya kerja yang positif di mana pekerja akan merasakan mereka mempunyai tempat yang selamat untuk bekerja dan bebas daripada stigma sosial yang berkaitan dengan kesihatan mental dan kesan seharian akibat tekanan akibat kerja.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian +673 2393301 sambungan 208, menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn, berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.



ANTARA produk dicemari dengan bahan terlarang atau bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisyiharkan.

4 PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan empat produk kesihatan kerana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Makmal Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang atau bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisyiharkan.

Produk kesihatan berkenaan adalah DRW Slimming Capsules dan Kapsul Pelangsing masing-masing dicemari dengan Sibutramine; sementara Dewa Ginseng dicemari dengan Acetaminophen; manakala Sido Waras Tulang didapati dicemari dengan bahan Phenylbutazone, Acetaminophen, Chlorpheniramine, Dexamethasone, dan Betamethasone.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Sibutramine adalah agen pelangsing badan yang tidak lagi disarankan penggunaannya dalam rawatan obesiti kerana kesannya yang boleh memudaratakan jantung dan hati.

Pengambilan Sibutramine juga boleh menyebabkan kesan advers yang serius seperti tekanan darah tinggi, denyutan jantung yang tidak menentu dan sukar untuk tidur dan dalam kes-kes yang paling teruk, ia boleh menyebabkan kerosakan pada pinggang dan hati.

Manakala Acetaminophen atau Paracetamol boleh diambil untuk rawatan sendiri (*self-medication*), tetapi apabila produk kesihatan tidak diisyiharkan mengandungi Acetaminophen atau Paracetamol, pengambilannya yang berlebihan tanpa disedari boleh membawa kerosakan pada hati, kegagalan buah pinggang, koma dan akhirnya kematian.

Penggunaan Phenylbutazone tanpa pengawasan pula boleh menyebabkan ulser peptik, pendarahan gastro-usus, loya, muntah-muntah, ruam kulit, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning dan kegagalan buah pinggang.

Phenylbutazone juga sering dikaitkan dengan kesan sampingan yang teruk seperti penyakit darah yang serius.

Sementara, Chlorpheniramine digunakan untuk melegakan gejala-gejala alahan dan ia mempunyai beberapa kesan advers termasuk berasa mengantuk, pening,

kelemahan otot, tekanan darah menurun, kabur penglihatan, mulut kering, kemurungan, denyutan jantung tidak menentu, meningkat selera makan dan berat badan.

Penggunaan kortikosteroid Dexamethasone dan Betamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan pula boleh menyebabkan peningkatan pada paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Penggunaan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan Cushing's sindrom kerana ciri-cirinya adalah seperti muka bulat atau *moon face* serta kegemukan pada bahagian badan atas dengan anggota kaki dan tangan yang kecil.

Para pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah yang rendah, tekanan darah yang rendah dan dehidrasi.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikut dapatan tersebut, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta.

Jika mereka mengalami kesan advers dan berasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumput dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikenal di bawah akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu atas kecualiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

PB sertai Pertandingan Shell Eco-Marathon 2024



PASUKAN Yakin IV R dari Politeknik Brunei (PB) akan menyertai Shell Eco-Marathon Asia-Pasifik dan Timur Tengah 2024 di Litar Jalan Antarabangsa Pertamina Mandalika, Lombok, Indonesia dari 2 hingga 6 Julai 2024.

LUMUT, Khamis, 23 Mei. - Politeknik Brunei (PB) dengan bangganya mengumumkan penyertaannya dalam Shell Eco-Marathon 2024 yang terkenal di seluruh dunia, acara yang didedikasikan untuk menolak sempadan kecekapan tenaga, kejuruteraan dan inovasi.

Pertandingan tersebut mencabar pasukan untuk mereka bentuk dan membina kenderaan yang boleh menempuh jarak paling jauh menggunakan jumlah tenaga yang paling sedikit, menawarkan peluang berharga untuk pembangunan kemahiran, peningkatan

pengetahuan dan rangkaian di lapangan.

Shell Eco-Marathon ialah pertandingan unik yang mencabar pelajar untuk mereka bentuk, membina dan memacu kenderaan prototaip paling cekap tenaga.

Pasukan yang diterajui oleh pelajar membawa inovasi mereka ke landasan untuk melihat siapa yang pergi paling jauh dengan jumlah tenaga atau bahan api paling sedikit yang menyokong kecekapan tenaga tertinggi.

Dianjurkan mengikut wilayah, Shell Eco-Marathon Asia-Pasifik dan Timur Tengah 2024 yang akan berlangsung

di Litar Jalan Antarabangsa Pertamina Mandalika, Lombok, Indonesia dari 2 hingga 6 Julai 2024.

PB telah menjadi peserta aktif dalam Shell Eco-Marathon sejak 2017, secara konsisten menunjukkan kecemerlangan dalam kejuruteraan dan reka bentuk yang mampan.

Selepas berehat akibat pandemik COVID-19, pasukan itu, yang dikenali sebagai Yakin IV R, sekali lagi akan bersaing dalam kategori kenderaan elektrik bateri tahun ini, mencerminkan komitmen PB untuk memajukan teknologi kenderaan elektrik dan memupuk masa depan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

yang lebih hijau.

Pada 2019, pasukan Yakin III dari PB yang mengambil bahagian dalam Shell Eco-Marathon di Malaysia mengatasi rekod kebangsaan mereka sendiri dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan mencapai kecekapan bahan api 252km/kWj.

Pasukan legenda ini (satu-satunya pasukan dari NBD) turut menduduki tempat kelapan daripada 22 pasukan yang mengambil bahagian dalam Kategori Prototaip (Bateri Elektrik) rantaui ini.

Pasukan dari seluruh Asia Pasifik dan Timur Tengah bersidang untuk bersaing dalam Shell Eco-Marathon Asia yang diadakan di Litar Antarabangsa Sepang, Malaysia dari 29 April hingga 2 Mei 2019.

Pada tahun 2020, PB mewakili NBD dalam Pertandingan Luar Trek Eco-Marathon Shell Maya yang pertama dan menerima penghormatan dalam Anugerah Reka Bentuk Kenderaan dalam majlis maya secara langsung di Instagram dan Twitter Shell Eco-Marathon pada 3 Jun 2020 lalu.

Acara dimulakan dengan ketibaan Pengetua PB, Awang Haji Md. Jaafar bin Haji Johari, kakitangan PB dan wakil pengajur Shell Eco-Marathon di NBD, Dayang Siti Amalina Harun dari Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad, di Dewan Serbaguna PB, Kampus Lumut.

Program diteruskan dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Awangku Haji Jamaluddin bin Pengiran Haji Zainal, memanjatkan doa semoga berjaya dan selamat.

Ketua Pasukan Yakin IV R, Awang Mohammad Fathul Izazi bin Haji Abidin, kemudiannya

menyampaikan ucapan dengan penuh semangat, merakamkan rasa terima kasih dan menyampaikan keazaman yang tidak berbelah bahagi dan persiapan pasukan untuk menghadapi pertandingan yang akan datang.

"Kami berusaha untuk menunjukkan potensi kendaraan elektrik sebagai alternatif yang berdaya maju kepada kaedah pengangkutan konvensional, sekali gus menggalakkan kelestarian alam sekitar dan mengurangkan lepelesan karbon."

"Dengan menolak sempadan teknologi dan kejuruteraan, kami bercita-cita untuk memberi inspirasi kepada generasi inovator dan membuat perubahan yang akan datang," kata Awang Mohammad Fathul Izazi.

Kemuncak acara ialah upacara tradisi taburan bunga rampai, melambangkan ucapan selamat dan berkat untuk kejayaan pasukan.

Tradisi upacara tersebut mempunyai kepentingan budaya yang mendalam dan berfungsi untuk menaikkan semangat Pasukan Yakin IV R semasa mereka memulakan perjalanan mereka.

Penyertaan PB dalam Shell Eco-Marathon didorong oleh komitmennya terhadap inovasi untuk masa depan yang mampan.

Menerusi pertandingan tersebut, institusi ini berhasrat untuk menolak sempadan teknologi dan kejuruteraan sambil mempromosikan kelestarian alam sekitar - misi yang sangat bergema dengan pasukan Yakin IV R semasa mereka bersedia untuk mewakili sekolah dan negara mereka di platform global.

TERUS BERUSAHA MENDALAMI PEMBACAAN, ILMU AL-QURAN

■ Berita dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland



BERAKAS, Jumaat, 24 Mei. - Johan qariah Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Awang Haji Mohammad bin Ali menzahirkan rasa syukur di atas segala nikmat dan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan yang diperoleh.

Tahun ini merupakan kali kedua beliau dinobatkan sebagai johan qariah setelah beliau menjadi juara buat pertama kali pada tahun 2020.

Menurut pegawai pelajaran yang bertugas di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba, beliau telah menjalani latihan dan menghadiri Bengkel yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam.

Selain itu, beliau juga telah membuat latihan persendirian sebelum hari pertandingan musabaqah diadakan.

Mengenai perancangan dan harapan pada masa hadapan, beliau

berkata, selagi ada kemampuan dan peluang yang ada, dengan izin Allah beliau akan terus bergiat untuk mengikuti musabaqah ini dan mempelajari serta mendalami isi kandungan Al-Quran.

Beliau juga turut memberi saranan kepada orang ramai yang berminat untuk mengikuti pertandingan musabaqah ini agar dapat meneruskan usaha dan menggali ilmu Al-Quran ini lebih mendalam lagi serta tidak berputus asa untuk mempelajarinya.

Sementara itu, johan qariah, Dayang Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri melahirkan perasaan yang sama apabila sekali lagi dinobatkan sebagai johan qariah pada tahun ini.

"Alhamdulillah, saya sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kemenangan ini sekali lagi. Terima kasih juga diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang merupakan guru kepada saya dan tidak lupa juga kepada guru-guru yang telah melatih saya," katanya semasa ditemui bual.

Sememangnya banyak persiapan yang telah dilakukan sebelum hari pertandingan. Salah satunya adalah beliau telah membuat latihan sebanyak tiga kali seminggu untuk memperbaiki mutu bacaan

AWANG Haji Mohammad bin Ali, johan qariah Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi semasa ditemui bual.

Al-Quran bersama ibu bapa beliau dan juga guru yang terlatih.

"Bersenam atau latihan kardio memainkan peranan penting untuk membantu menstabilkan pernafasan. Jadi, ini juga merupakan persiapan yang saya lakukan kebelakangan ini untuk menjaga stamina dalam badan supaya dapat memberikan bacaan yang terbaik di hari pertandingan nanti," ujar Dayang Fauziah Nadhirah.

Selain itu, beliau juga berkongsi sedikit nasihat untuk orang ramai yang ingin mengikuti pertandingan ini supaya dapat membuat latihan berterusan dalam membaca Al-Quran dan juga mencari guru terlatih yang boleh mengajar Al-Quran dan Tajwid kerana ia amatlah penting supaya kualiti bacaan Al-Quran itu akan terus meningkat.



JOHAN qariah, Dayang Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri.

5 syarikat dikenakan denda kompaun



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Daripada 14 buah syarikat yang telah dikeluarkan surat amaran, lima buah syarikat telah didapati gagal mematuhi surat amaran tersebut oleh Autoriti Perancang semasa OPKEMAS yang dijalankan oleh Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa selama dua

hari di Daerah Brunei dan Muara baru-baru ini.

Tiga buah syarikat telah dikenakan denda kompaun bagi kesalahan kali pertama iaitu BND250 dan dua buah syarikat telah dikenakan denda kompaun bagi kesalahan kedua iaitu berjumlah BND500 kerana masih melanggar Peraturan-peraturan

DARIPADA 14 buah syarikat yang telah dikeluarkan surat amaran, lima buah syarikat telah didapati gagal mematuhi surat amaran tersebut oleh Autoriti Perancang semasa OPKEMAS dijalankan (kiri, kanan dan bawah kanan).

Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018. iaitu meletakkan, menggunakan, menghalang, mempamerkan barang-barang di kawasan petak letak kenderaan, kawasan kaki lima dan kawasan landskap di premis perniagaan dan perusahaan tempat syarikat-syarikat berkenaan beroperasi.

Syarikat-syarikat berkenaan telah diberikan tempoh tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan denda tersebut.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang awam, pemilik-pemilik perniagaan dan perusahaan untuk mematuhi undang-undang perancangan dengan mendapatkan Kebenaran Perancangan bagi setiap kemajuan dan penggunaan tanah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa menerusi +673 8200222.



OPERASI SIAGA DAPATI 2 KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PEKERJAAN



■ Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 102/2024 pada 15 Mei 2024 lalu, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dilaksanakan di kedai runcit menjual perabot di kawasan Kampung Jangsak mendapat dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 82, gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas; dan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing yang mana pekerja asing yang berjawatan sebagai buruh am didapati melakukan pekerjaan sebagai juruwang.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 102/2024 (atas, atas kiri dan kiri).

memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Mengekalkan, memelihara khazanah seni berpantun

Rencana dan Foto : Marlinawaty Hussin

PANTUN merupakan khazanah budaya bangsa Melayu yang telah wujud sejak turun-temurun dan sewajarnya dipertahankan. Pantun bukan sekadar hiburan, malahan menampilkan pelbagai elemen seperti tamsil ibarat, kearifan tempatan, falsafah hidup dan latar belakang masyarakat Melayu. Keunikannya menjadikan kegiatan berdasarkan pantun harus sentiasa dihidupkan dan disburkan dalam masyarakat kita.

Dalam hal ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan telah pun melaksanakan pelbagai strategi bagi memelihara, melestarikan, memperkasa dan seterusnya membarigakan Pantun Melayu Brunei.

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan itu termasuk Projek Penyelidikan Pantun Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Penyebarannya di Kepulauan Borneo yang telah dijalankan secara berfasa; dan juga Festival Sastera dan Seni Budaya Melayu Brunei : Pantun sebagai Khazanah Bangsa yang diadakan sebagai usaha untuk mempromosikan dan membarigakan hasil daripada penyelidikan pantun menerusi Bengkel Pantun Melayu Brunei, Sayembara Berbalas Pantun; Seminar Pantun Brunei, Warisan dan Penyebaran serta Pertandingan Badundang.

Hasil daripada projek penyelidikan yang telah dijalankan itu, DBP mengambil langkah selanjutnya dengan menerbitkan pantun-pantun yang diperoleh daripada Penyelidikan Pantun Melayu Brunei di NBD dan

Penyebarannya di Kepulauan Borneo dalam bentuk buku yang berjudul Babatan Pantun Melayu Brunei.

Penerbitan buku tersebut merupakan antara usaha DBP untuk melestarikan seni berpantun sebagai produk budaya bangsa Melayu. Buku yang diterbitkan berdasarkan penyelidikan sejak tahun 2015 ini berjaya mengumpul pelbagai jenis pantun, yang dibatasi dalam sebuah babatan dan dijadikan sebagai medium penyebaran ilmu, sekali gus berupaya mempertahankan dan mengangkat khazanah warisan bangsa.

Dalam usaha menyediakan wadah bagi memperkenalkan dan membarangakan lagi penerbitan buku berkenaan, DBP baru-baru ini telah menganjurkan Pesta Pantun Melayu Brunei (PPMB) selama dua hari iaitu pada 21 dan 22 Mei yang lalu di Balai Sarmayuda DBP, Berakas.

Pelaksanaan pesta itu turut disemarakkan dengan pengisian pelbagai kegiatan mengenai pantun bertujuan untuk memastikan budaya berpantun tetap relevan dan dikenali serta dipelopori oleh generasi muda sekali gus membentuk penerus seni berpantun di negara ini.

Antara pengisian pada pesta itu ialah Persembahan Pantun dalam Nyanyian oleh gabungan Rodiman Abas, Sireh Music dan Band 12:15; Persembahan Bermukun oleh Kumpulan Juragan Muda Brunei Darussalam; Kahoot Pantun, Persembahan Pantun Meminang oleh Penggiat Seni Tanah Air Brunei (PeSTAB), Persembahan Badundang oleh Kumpulan SERIMAS, dan Bual Bicara Pantun.

Sementara itu, acara Mari Berbalas Pantun

yang juga merupakan salah satu pengisian kegiatan PPMB dilaksanakan sebagai medium untuk meningkatkan minat dalam kalangan generasi muda bagi mengenal dan menguasai seni berpantun.

Antara objektif acara itu adalah untuk mencungkil, mengetengahkan dan menyerlahkan bakat-bakat baharu sebagai generasi pelapis yang akan mengekalkan, mengangkat dan memelihara khazanah seni berpantun, di samping memupuk semangat cintakan kesenian dan kebudayaan bangsa, sekali gus mengukuhkan lagi upaya pencalonan pantun Melayu Brunei dalam Daftar Representatif dalam Warisan Budaya Tidak Ketara, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Sebanyak lapan kumpulan menyertai pertandingan tersebut terdiri daripada para pelajar peringkat sekolah menengah, pusat tingkatan enam dan institusi pengajian tinggi. Format pertandingan ini menyasarkan keupayaan dan kreativiti setiap kumpulan untuk menyambung baris pantun dalam masa 60 saat pada pusingan pertama dan pada pusingan kedua. Setiap kumpulan dikehendaki untuk berbalas pantun berdasarkan konsep 'jual beli' pantun dengan berpandukan tema yang diberikan dalam masa 120 saat.

Panel-panel hakim terdiri daripada Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba selaku Ketua Hakim; Awang Beolie bin Tengah dan Awang Noorshamsuddin bin Haji Md. Yassin. Manakala Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Matarsat selaku pengurus pertandingan.

Selain itu, pesta berkenaan turut menampilkan Pameran dan Jualan beberapa Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang terdiri daripada MPK Panchor Mengkubau, MPK Bebuloh dan MPK Kampung Penabai.


Sementara di pekarangan Dewan Sarmayuda, beberapa petak yang dikendalikan bahagian-bahagian di bawah DBP disediakan bagi kunjungan orang ramai yang berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti menarik berkaitan pantun termasuk kuiz teka-teki pantun, susun dan bina pantun; padankan pantun, susun suai pantun, kreasi pantun, baca pantun jawi dan menjawikan pantun.

Penglibatan pengunjung dalam kegiatan tersebut yang kebanyakannya turut disertai oleh generasi muda khususnya para pelajar sekolah menengah dan maktab serta mahasiswa institusi pengajian tinggi mengimplikasikan bahawa pesta berkenaan mampu menjadi penggerak dan pencetus dalam melahirkan generasi pelapis yang akan mendalami dan menguasai seni berpantun, selain mengukuhkan rasa kepemilikan mereka terhadap kepentingan bahasa Melayu.

Dalam pada itu, projek penyelidikan pantun akan dilanjutkan lagi usahanya dengan menelusur dan mengumpulkan pantun-pantun Melayu Brunei di kawasan-kawasan Kepulauan Borneo secara berfasa.

Usaha-usaha menjadikan pantun-pantun Melayu Brunei di Kepulauan Borneo ini juga adalah bagi mencapai hasrat jabatan untuk mewujudkan NBD sebagai sebuah hab dokumentasi dan rujukan pantun Melayu Brunei di Nusantara.





Usaha tangga kejayaan

Oleh : Ubaidah Al-Jarrah

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

AMIR adalah seorang pelajar yang bijak dan rajin dalam pengajian. Amir berada dalam tahun terakhir sekolah menengahnya dan berdepan dengan ujian yang paling penting dalam hidupnya.

Amir sentiasa memahami bahawa pendidikan adalah kunci kepada masa depan yang cerah. Amir dilahirkan dalam keluarga yang menghargai ilmu dan pendidikan. Ayahnya adalah seorang guru, manakala ibunya adalah seorang pegawai pentadbiran di Kementerian Pendidikan. Keluarganya sentiasa memberikan sokongan kepada perjalanan pendidikan Amir. Mereka menggalakkannya untuk berusaha gigih dan mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Sejak kecil, Amir telah dididik tentang pentingnya ilmu dan pendidikan. Ayahnya sering memberikan nasihat tentang kebijaksanaan dan ibunya sentiasa menggalakkannya untuk membaca dan belajar. Semangat untuk belajar telah diajar kepada Amir sejak dia kecil lagi.

"Anakku, ilmu adalah cahaya yang akan menerangi jalan hidupmu. Dengan ilmu, kamu dapat memahami dunia dengan lebih baik. Kamu akan memiliki pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan yang bijak dan memberikan kontribusi positif kepada masyarakat".

Sejak awal tahun pelajaran, Amir telah menetapkan matlamat yang jelas untuk peperiksaan akhir. Amir ingin mencapai keputusan cemerlang yang akan membukanya ke pintu ke universiti yang berprestij. Dengan tekad yang kuat, dia mula menyusun jadual pengajian yang ketat.

Ketika musim peperiksaan semakin hampir, Amir telah mempersiapkan diri dengan penuh tekun. Dia mula merancang jadual pengajian yang ketat, memberikan tumpuan kepada mata pelajaran yang memerlukan lebih perhatian. Dia menyediakan nota-nota terperinci, mencari bahan rujukan tambahan, dan sering berjumpa dengan guru-guru untuk bertanya tentang konsep-konsep yang sukar. Amir berpegang pada moto bahawa usaha keras adalah kunci kepada kejayaan.

Walau bagaimanapun, Amir juga tahu bahawa pendidikan tidak hanya tentang pengajian semata-mata. Amir sentiasa mendengar nasihat ayahnya bahawa

menjadi seorang pelajar yang cemerlang juga memerlukan kesimbangan antara pendidikan dan aktiviti sosial.

Ketika musim peperiksaan, Amir masih menyempatkan diri untuk melakukan aktiviti sukan yang dia gemari. Dia bermain bola sepak bersama rakan-rakannya setiap akhir minggu, dan ini membantu mengurangkan tekanan yang datang bersama peperiksaan.

Selain daripada itu, Amir juga mempunyai satu sifat yang penting di mana dia selalu berusaha membantu rakan-rakannya yang menghadapi kesulitan dalam pelajaran. Beliau mengambil berat tentang kejayaan mereka, dan jika ada rakan yang memerlukan bantuan tambahan, dia akan memberikan tunjuk ajar dengan penuh sabar.

Amir juga mempunyai adik perempuan, Aisyah, yang sedang berada dalam tahun terakhir sekolah menengah bawah. Dia berusaha untuk memberikan sokongan moral kepada adiknya, memberikan nasihat tentang bagaimana menguruskan masa dan bagaimana menjalani ujian dengan penuh keyakinan.

Bagi Amir, ilmu adalah satu anugerah, dan dia percaya bahawa ilmu perlu dikongsi dengan orang lain. Ketika pelajaran guru-guru dan rakan-rakannya yang kurang beruntung, Amir sering berkongsi nota-nota yang dia telah sediakan. Bagi dia, kejayaan bukan hanya tentang mencapai keputusan terbaik, tetapi juga tentang membantu yang lain untuk mencapai potensi mereka.

Pada suatu petang yang hening, Amir duduk di meja belajar di biliknya. Dia terbenam dalam bukunya, cuba memahami konsep Matematik yang lebih sukar. Tiba-tiba, pintu biliknya terbuka perlahan-lahan dan keluarlah adiknya, Aisyah. Aisyah merupakan seorang pelajar yang berusia 12 tahun, seorang adik yang sangat mengaguminya.

"Abang, boleh tolong Aisyah dengan Maths tak?" tanya Aisyah dengan wajah yang suram.

Amir meletakkan bukunya dan tersenyum lembut. "Boleh, Aisyah. Apa masalahnya?"

Aisyah duduk di sebelahnya dan membuka bukunya. "Aisyah tak faham soalan ni, abang".

Amir menjelaskan soalan tersebut dengan sabar dan cara yang mudah difahami. Dia tahu bahawa membantu adiknya bukan sahaja akan membantu Aisyah dalam pelajarannya, tetapi juga akan membantu memperjelas pemahamannya sendiri.

Selepas beberapa minit, Aisyah tersenyum

ceria. "Terima kasih, abang! Abang hebat!".

Amir mengusap kepala adiknya dan berkata, "Sama-sama, Aisyah. Ingat, kita selalu boleh belajar sesuatu daripada yang lain".

Kejayaan Amir dalam pembelajaran ini tidak hanya tentang dirinya sendiri, tetapi juga tentang mengilhami orang lain, termasuk adiknya. Dia selalu mengingatkan dirinya bahawa belajar itu bukan hanya tentang mendapat keputusan cemerlang tetapi juga tentang membantu yang lain.

Selain daripada itu, Amir juga mempunyai seorang rakan karib, Iman, yang selalu belajar bersamanya. Mereka membantu satu sama lain dalam pemahaman konsep-konsep yang rumit, dan saling memberi sokongan ketika tekanan peperiksaan semakin meningkat.

Semasa minggu-minggu terakhir menjelang peperiksaan, Amir memulakan sesi kajian dengan lebih tekun. Dia membuat ulang kaji setiap topik, menjawab soalan-soalan latihan, dan berbincang dengan guru-guru bila ada perkara yang kurang difahaminya.

Suatu petang, Amir duduk di bilik tamu bersama ibunya. Ibunya memberikan nasihat yang sangat berguna, "Amir, jangan lupukan untuk menjaga kesihatan fizikal dan mentalmu juga. Jangan terlalu tekan diri. Amir perlu bertenggang untuk memberikan yang terbaik dalam peperiksaan".

Amir mengangguk dengan perlahan. "Terima kasih, ibu. Amir akan cuba yang terbaik".

"Belajar memang tidak selalu mudah. Tetapi ingatlah, setiap usaha yang kamu lakukan sekarang adalah pelaburan untuk masa depanmu. Seperti biji yang ditanam hari ini untuk menghasilkan pokok yang besar nanti".

Musim peperiksaan akhirnya tiba, dan Amir menghadapi setiap ujian dengan keberanian dan keyakinan. Dia telah bersedia sebaik mungkin dan sekarang hanya boleh berharap yang terbaik.

Setelah selesai ujian terakhir, Amir merasai seolah-olah beban besar telah terangkat dari bahunya. Dia tidak sabar untuk mengetahui keputusan peperiksaannya, tetapi dia tahu bahawa sekarang hanya perlu bersabar.

Minggu-minggu menunggu keputusan adalah sangat tegang. Amir merasai kegelisahan di dalam dirinya, dan dia tahu bahawa semua pelajar merasa yang sama. Dia sering bersempang dengan rakan-rakan tentang perasaan mereka, dan mereka

memberikan sokongan moral kepada satu sama lain. Semua orang berharap agar usaha mereka dihargai dengan kejayaan yang mereka impikan.

Akhirnya, hari keputusan tiba. Apabila keputusan peperiksaan akhirnya diumumkan, tidak ada kata-kata yang boleh menggambarkan betapa gembiranya Amir. Ketika dia melihat keputusan peperiksaannya, dia terasa seolah-olah dunia terhenti seketika. Dia telah mencapai keputusan yang cemerlang, dan dia adalah salah seorang pelajar terbaik di sekolahnya. Air mata kebahagiaan mengalir di matanya, dan dia merasa begitu bersyukur.

Kejayaannya ini bukan hanya kejayaan peribadi. Ia juga membawa kegembiraan kepada keluarganya yang bangga dengan pencapaian Amir. Ayahnya dan ibunya adalah terharu, dan mereka tahu bahawa segala usaha mereka dalam mendidik Amir telah memberikan hasil yang gemilang.

"Alhamdulillah, ibu dan ayah ingin mengucapkan tahniah atas kejayaanmu yang cemerlang. Ibu dan ayah sangat bangga dengan Amir. Keputusan cemerlang ini adalah hasil dari kerja keras dan ketekunanmu, kami tahu betapa banyak usaha yang telah kamu sumbangkan," kata ibunya sambil memeluknya.

Ayahnya menambah, "Langkahmu selanjutnya adalah seperti lembaran baru yang menanti untuk ditulis. Kami percaya, dengan semangat dan dedikasimu, kamu akan mencapai lebih banyak kejayaan di masa depan. Teruslah bermimpi besar, teruslah mengejar cita-citamu. Ibu dan ayah akan sentiasa menyokongmu. Kami bersyukur memiliki anak sehebat kamu. Kejayaanmu adalah kebahagiaan kami".

Amir juga menjadi inspirasi kepada rakan-rakannya. Mereka melihat bagaimana usaha keras, kesimbangan antara pendidikan dan aktiviti sosial, serta keinginan untuk membantu yang lain, dapat membawa kejayaan. Mereka belajar bahawa ilmu adalah kuasa, dan dengan usaha dan tekad yang betul, mereka juga boleh mencapai kejayaan yang sama.

Tidak hanya itu, Amir juga menerima tawaran biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti. Ia membuka pintu kepada peluang yang lebih besar untuk beliau dalam bidang pendidikan, dan dia berazam untuk terus berkongsi ilmu dan membantu yang lain di masa depan.

DUTA PALESTIN KE PBB SAMBUT BAIK KEPUTUSAN IRELAND, NORWAY, SEPANYOL IKTIRAF NEGARA PALESTIN



HAMILTON (Kanada), 23 Mei. - Duta Palestin ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Riyad Mansour menyambut baik keputusan Ireland, Norway dan Sepanyol pada Rabu untuk mengiktiraf negara Palestin, lapor Agensi Anadolu.

"Ia adalah saat yang indah semasa kami berkumpul hari ini (Rabu) apabila kami menerima berita yang sangat positif dari Eropah bahawa Sepanyol, Ireland dan Norway mengumumkan hari ini mereka akan mengiktiraf negara Palestin pada 28 Mei ini. Gelombang Eropah ini, diharapkan akan diikuti oleh gelombang-gelombang lain."

"Negara Palestin layak menjadi negara anggota penuh di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Mansour kepada media.

Menyedari sokongan yang besar untuk pengiktirafan Palestin oleh majoriti anggota Perhimpunan Agung PBB dan Majlis Keselamatan, Mansour berkata: "Sokongan kepada negara Palestin, kemasukannya ke PBB dan pengiktirafan sedang mendapatkan momentum selepas apa yang kami lakukan di Majlis Keselamatan dan apa yang kami lakukan dalam Perhimpunan Agung."

Beliau berkata "kuasa

pendudukan" sedang panik menghadapi gelombang ini dan Israel menuju ke arah yang salah dengan mencabar semua orang dan bukannya mendengar suara antarabangsa yang besar. Mansour kemudian bergambar bersama wakil tetap PBB dari Norway, Ireland dan Sepanyol.

Pengumuman oleh tiga negara Eropah itu dibuat ketika Israel meneruskan serangan kejamnya di Semenanjung Gaza sejak 7 Okt lepas, walaupun terdapat resolusi Majlis Keselamatan PBB yang menggesa gencatan senjata segera.

Palestin telah pun diiktiraf oleh lapan negara Eropah: Bulgaria,

Poland, Republik Czech, Romania, Slovakia, Hungary, Sweden dan pentadbiran Greece Cypriot. Serangan Israel sejak Oktober

lepas mengakibatkan lebih 35,700 rakyat Palestin telah terbunuh, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak. - ©BERNAMA

Telco Optus Australia berdepan tindakan mahkamah atas pelanggaran data pada 2022

SYDNEY, 23 Mei. - Badan pemantau komunikasi dan media Australia pada Khamis mengumumkan bahawa mereka telah memfaillkan prosiding di Mahkamah Persekutuan terhadap syarikat telekomunikasi Optus berhubung pelanggaran data besar-besaran yang berlaku pada 2022.

"Optus gagal melindungi kerahsiaan maklumat peribadi pelanggan mereka daripada gangguan atau akses tanpa kebenaran seperti yang dikehendaki di bawah Akta Telekomunikasi (Pemintasan dan Akses) 1979," menurut Pihak Berkusa Komunikasi dan Media Australia, lapor Xinhua.

Sebagai syarikat telekomunikasi kedua terbesar di Australia, Optus mengalami serangan siber pada September 2022 yang mendedahkan data membabitkan 10 juta pelanggan semasa dan bekas pelanggan mereka.

Maklumat yang terdedah termasuk nama, tarikh lahir, nombor telefon, alamat e-mel dan nombor dokumen pengenalan seperti nombor lesen memandu atau passport. Seorang jurucakap Optus menyatakan bahawa pada peringkat ini, syarikat tersebut tidak dapat menentukan jumlah penalti, jika ada, yang mungkin dikenakan.

Menurut kenyataan itu, Optus sebelum ini telah memohon maaf kepada pelanggan dan mengambil langkah, termasuk bekerjasama dengan polis dan pihak berkusa lain serta mengganti kos pelanggan untuk mengantikan dokumen.

"Optus bercadang untuk mengemukakan pembelaan. Oleh kerana perkara itu kini berada di hadapan mahkamah, Optus tidak dapat memberikan sebarang komen lanjut," kata jurucakap berkenna. - ©BERNAMA

Menteri Luar Malaysia tandatangan nota takziah di Kedutaan Iran bagi pihak kerajaan

KUALA LUMPUR, 22 Mei. - Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan mengunjungi Kedutaan Iran di Malaysia pada Rabu untuk menyampaikan ucapan takziah bagi pihak rakyat Malaysia atas pemergian Presiden Iran, Ebrahim Raisi dan Menteri Luar Iran, Dr. Hossein Amirabdollahian yang terbunuh dalam naħas helikopter Ahad lepas.

Menerusi hantaran di akaun media sosial X, Mohamad menyampaikan ucapan takziah itu kepada Duta Iran ke Malaysia, Valiollah Mohammadi Nasrabi atas kehilangan besar dalam dunia kepimpinan Islam dan rakyat republik Islam itu.

Dalam hantaran itu, Menteri Luar menyatakan bahawa beliau juga telah menandatangi nota takziah bagi pihak kerajaan Malaysia atas pemergian kedua-dua pemimpin Iran berkenna.

Dalam naħas pada 19 Mei kira-kira pukul 4.30 petang waktu tempatan, helikopter dinaiki Presiden Iran, Ebrahim Raisi dan Menteri Luar Hossein Amirabdollahian, melakukan pendaratan kecemasan di Hutan Dizmar Tengah di Wilayah Azerbijan Timur, semasa dalam penerbangan pulang ke Tehran.

Presiden dan menteri luar termasuk semua penumpang lain di dalam helikopter berkenaan terkorban dalam naħas itu. - ©BERNAMA

Road, Silom Bang Rak, Bangkok.

Keduaan juga boleh dihubungi melalui talian +66-2340-5731/5732 (waktu pejabat) atau +66-87-028-4659 (selepas waktu pejabat) dan e-mel: mwbangkok@kln.gov.my.

Penerbangan SQ321 dengan 211 penumpang dan 18 kru itu dalam penerbangan dari London ke Singapura apabila ia menghadapi gelora udara yang tiba-tiba dan ekstrem di atas Lembangan Irrawaddy pada ketinggian 11,277.6 meter kira-kira 10 jam selepas berlepas.

Juruterbang mengisyiharkan kecemasan perubatan dan melencongkan pesawat Boeing 777-300ER ke Bangkok, mendarat pada 3.45 petang waktu tempatan, Selasa.

Insiden itu menyebabkan seorang maut dan beberapa lagi cedera. Pengarah Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi Kittipong Kittikachorn sebelumnya berkata mangsa yang maut dalam kejadian itu ialah seorang lelaki Britain berusia 73 tahun. - ©BERNAMA

Arab Saudi tangguh pemberian visa umrah sebagai persediaan musim haji 1445H

KUALA LUMPUR, 23 Mei. - Pemberian visa umrah melalui aplikasi telefon pintar "Nusuk" ditangguhkan mulai Khamis, 23 Mei (15 Zulkaedah) hingga 21 Jun (15 Zulhijjah).

Perkara itu dinyatakan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dalam infografik yang dimuat naik di akaun rasmi X kementerian itu pada Khamis, sekali gus mlarang

semua kategori pemegang visa pelancong dari memasuki Makkah sepanjang tempoh berkenaan bagi melancarkan persediaan musim haji 1445 Hijrah.

Kementerian itu turut menegaskan hanya pemegang visa haji sahaja yang dibenarkan untuk menunaikan rukun Islam kelima itu, serta mengingatkan mengenai pelaksanaan hukuman berat terhadap individu yang

ditahan kerana berada di tujuh kawasan yang dikhususkan untuk jemaah haji secara tidak sah.

Kerajaan Arab Saudi sebelum ini mengumumkan penguatkuasaan penalti 10,000 Riyal (SAR10,000) terhadap individu yang memasuki tujuh kawasan larangan tanpa permit haji iaitu Makkah, Wilayah Tengah, Masyair, stesen kereta api Haramain di Rusayyah, pusat kawalan keselamatan, pusat pengasingan dan pusat kawalan keselamatan sementara. - ©BERNAMA

Puluhan terbunuh dalam pertempuran antara kaum di DR Congo - PBB

NEW YORK, 22 Mei. - Puluhan orang awam telah terbunuh setakat bulan ini dalam pertempuran antara kaum yang berlaku di Republik Demokratik Congo (DR Congo), menurut agensi kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Selasa, lapor Xinhua.

Pejabat Penyelaras Hal Ehwal Kemanusiaan PBB (OCHA) berkata pekerja bantuan sedang

membantu penduduk yang cedera dan kehilangan tempat tinggal daripada pertempuran di wilayah timur laut Tshopo.

Menurut OCHA, sejak Feb 2023, pertempuran itu telah menyebabkan 740 orang awam terbunuh dan 75,000 orang hilang tempat tinggal di Kisangani, ibu kota Tshopo.

Pejabat itu berkata pasukan penilai yang diketuai OCHA

mendapati bahawa makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan adalah keperluan paling mendesak bagi penduduk kehilangan tempat tinggal.

Agensi itu menyeru semua pihak terlibat untuk bekerjasama bagi menamatkan keganasan, melindungi orang awam dan mencari penyelesaian yang mampan kepada konflik di negara berkenaan. - ©BERNAMA

Sembilan rakyat Malaysia cedera dalam pendaratan kecemasan pesawat Singapore Airlines di Bangkok

KUALA LUMPUR, 22 Mei. - Kementerian Luar (Wisma Putra) melalui Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Thailand mengesahkan sembilan rakyat Malaysia termasuk seorang kru cedera dalam pesawat Singapore Airlines (SIA) penerbangan SQ321.

Pesawat itu dalam penerbangan dari London ke Singapura apabila ia terpaksa melakukan pendaratan kecemasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi, Bangkok pada petang Selasa.

Dalam satu kenyataan pada Rabu, kementerian itu berkata bahawa kesemua sembilan rakyat Malaysia dalam penerbangan SIA itu kini sedang menerima rawatan akibat kecederaan yang mereka

alami.

Wisma Putra berkata sejumlah 16 rakyat Malaysia berada di dalam penerbangan itu dengan kedutaan sedang giat menyelar dengan pihak berkusa tempatan dan hospital yang berkenaan dan sedang menghulurkan bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang terlibat.

"Pada masa ini, enam rakyat Malaysia dirawat di Hospital Samitivej Srinakarin dan tiga lagi di Hospital Samitivej Sukhumvit.

"Menurut kedua-dua hospital, semua mangsa rakyat Malaysia yang terlibat mengalami kecederaan fizikal dan dalam dan seorang rakyat Malaysia mengalami kecederaan kritis

tetapi dalam keadaan stabil," katanya.

Wisma Putra berkata rakyat Malaysia yang cedera berada di bawah pengawasan di wad secara berasingan dan sedang menunggu laporan perubatan.

Kementerian itu turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban dan mendoakan agar semua mangsa yang cedera cepat sembuh dari insiden yang malang itu.

Rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok di alamat kedutaan di Kronos Sathorn Tower Level 17, 46 North Sathorn

Road, Silom Bang Rak, Bangkok.

Keduaan juga boleh dihubungi melalui talian +66-2340-5731/5732 (waktu pejabat) atau +66-87-028-4659 (selepas waktu pejabat) dan e-mel: mwbangkok@kln.gov.my.

Penerbangan SQ321 dengan 211 penumpang dan 18 kru itu dalam penerbangan dari London ke Singapura apabila ia menghadapi gelora udara yang tiba-tiba dan ekstrem di atas Lembangan Irrawaddy pada ketinggian 11,277.6 meter kira-kira 10 jam selepas berlepas.



TEHRAN, 24 Mei. - Staf Am Angkatan Bersenjata Iran telah mengeluarkan laporan pertama mengenai aspek dan sebab-sebab di sebalik kemalangan helikopter baru-baru ini yang mengorbankan Presiden Ebrahim Raisi dan delegasinya.

Laporan tersebut dikeluarkan pada Khamis, memberikan lebih

TENTERA IRAN KELUARKAN LAPORAN NAHAS HELIKOPTER RAISI DAN DELEGASINYA

banyak maklumat mengenai insiden yang berlaku pada Ahad (19 Mei), iaitu Raisi dan rombongannya termasuk Menteri Luar Hossein Amirabdollahian, terkorban selepas helikopter yang membawa mereka terhempas di barat laut Iran, lapor Agensi Berita Republik Islam (IRNA).

Sebuah pasukan penyiasat yang ditugaskan untuk menyiasat insiden tersebut telah dihantar ke lokasi

kemalangan pada Isnin, menurut laporan itu.

Pasukan tersebut berjaya mengumpul "sebahagian besar" maklumat yang diperlukan untuk menyiasat elemen-elemen yang mungkin menyumbang kepada insiden itu, tambahnya.

Helikopter yang turut membawa pegawai kanan itu terhempas ketika terbang di sepanjang laluan yang telah dirancang, kata laporan

berkenaan, sambil menyatakan bahawa pesawat tidak menyimpang dari laluan.

Helikopter tersebut terbakar selepas terhempas di kawasan pergunungan dan mendedahkan bahawa bangkai pesawat tidak mempunyai sebarang kesan peluru atau tanda-tanda kesan yang serupa.

Menurut laporan itu, lokasi kemalangan dikesan oleh dron Iran

pada 5 pagi (waktu tempatan) Isnin, dan pasukan mencari tiba tidak lama kemudian.

Komunikasi yang berlaku sebelum insiden antara pesawat dan kawalan darat tidak mengandungi kandungan yang "mencurigakan", kata laporan itu dan menyatakan bahawa negara akan diberitahu tentang sebarang penemuan susulan pada masa yang sesuai. - ©BERNAMA

ICJ akan putuskan permohonan gencatan senjata Gaza oleh Afrika Selatan

THE HAGUE, 24 Mei. - Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), badan kehakiman tertinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), berkata bahawa ia akan mengeluarkan keputusan pada Sabtu ini berhubung permintaan Afrika Selatan untuk mengarahkan Israel menghentikan serangan di Gaza.

Afrika Selatan mahu mahkamah mengarahkan Israel untuk "segera" menghentikan semua operasi ketenteraan di Gaza, termasuk di bandar Rafah, yang ia memulakan serangan darat pada 7 Mei, walaupun mendapat tentangan daripada masyarakat antarabangsa, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Afrika Selatan telah meminta mahkamah mendesak Israel untuk

segera menarik balik pasukannya dan menghentikan serangan ketenteraan ke atas Rafah, serta segera mengambil semua langkah berkesan untuk memastikan akses kemanusiaan tanpa halangan ke Gaza.

Ia juga meminta mahkamah untuk mengeluarkan perintah kepada Israel supaya membenarkan pegawai PBB dan organisasi yang menyediakan bantuan kemanusiaan serta wartawan dan penyiasat, memasuki Semenanjung Gaza tanpa sebarang halangan.

Afrika Selatan menambah bahawa Israel setakat ini telah mengabaikan dan melanggar perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah sebelum ini.

Pada Januari, ICJ telah menggesa Israel untuk

mengelakkan tindakan yang boleh membawa kepada genosid dan memudahkan penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza. Walau bagaimanapun, tindak balas Israel telah dianggap tidak mencukupi oleh pelbagai pemerhati antarabangsa.

Berikutnya kejadian itu, Afrika Selatan memohon mahkamah untuk mengambil langkah baharu sebagai tindak balas kepada pengumuman Israel mengenai serangan yang akan dilakukan ke atas Rafah. Namun, mahkamah menolak permintaan itu.

Pada awal Mac, Afrika Selatan memperbarui rayaannya kepada ICJ untuk langkah-langkah segera. Pada bulan yang sama, mahkamah telah mengarahkan Israel untuk memastikan penghantaran

"bantuan kemanusiaan segera" ke Gaza di tengah-tengah kebuluran yang semakin meningkat di wilayah yang dikepung itu.

Baru-baru ini, beberapa negara, termasuk Libya, Mesir dan Turki, telah menyatakan hasrat mereka

untuk secara rasmi menyokong tuntutan mahkamah Afrika Selatan terhadap Israel. Kes itu menuduh Israel melakukan tindakan pembunuhan beramai-ramai dalam serangan berterusan ke atas Gaza. - ©BERNAMA

Restoran runtuh di Kepulauan Balearic Sepanyol, 4 orang terkorban, 25 cedera

MADRID, 24 Mei. - Sebuah bangunan restoran runtuh di pantai Palma de Mallorca pada Khamis, menyebabkan sekurang-kurangnya empat orang terbunuh dan mencederakan 25 yang lain di lokasi pelancongan terkenal di Kepulauan Balearic, Sepanyol, menurut laporan media.

Insiden itu berlaku apabila sebuah restoran yang terletak di tingkat bawah bangunan tersebut tenggelam ke tingkat bawah tanah, lapor Xinhua memetik laporan TV awam Sepanyol.

Menurut sumber dari pasukan keselamatan, runtuhannya tersebut berlaku sekitar 8.30 malam waktu tempatan. Polis Sepanyol, anggota bomba dan perkhidmatan kecemasan kesihatan sedang bertugas di lokasi dan lebih daripada sedozen ambulans telah digerakkan.

Ramai pelancong dan penduduk tempatan turut berkumpul di sekitar restoran yang runtuh itu, walaupun pasukan keselamatan telah menutup jalan di tepi pantai untuk memudahkan operasi menyelamat. - ©BERNAMA

Lapan maut, 60 cedera dalam letupan di kilang kimia di barat India

NEW DELHI, 24 Mei. - Lapan orang terbunuh manakala 60 cedera dalam satu letupan di sebuah kilang kimia di barat India pada Khamis. Letupan itu berlaku di sebuah dandang di kilang Amudan Chemical Company, yang terletak di kawasan Maharashtra Industrial Development Corporation (MIDC) di pinggir bandar Dombivli, Thane, kira-kira 35km dari Mumbai.

Media tempatan melaporkan bahawa bumbung kilang berdekatan telah tercabut akibat impak letupan tersebut.

"Enam lelaki dan dua wanita terbunuh dalam kejadian itu tetapi mayat mereka hangus sehingga sukar dikenali," kata ketua unit pengurusan bencana Perbandaran Thane, Yasin Tadvi. Media tempatan memetik menteri industri negeri, Uday Samant, melaporkan bahawa mereka yang terbunuh bekerja di kilang-kilang berdekatan. - ©BERNAMA

Mesyuarat Menteri Kewangan G7 bermula di Itali

ROME, 24 Mei. - Mesyuarat kewangan Kumpulan Tujuh (G7) bermula di Itali lewat Khamis, dengan perbincangan antara menteri kewangan dan gabenor bank pusat G7 dijangka memfokuskan kepada trend ekonomi global, sokongan kewangan untuk Ukraine dan pembangunan perbankan pelbagai hala, lapor Xinhua.

Menurut presiden Itali yang bergilir-gilir dalam kumpulan tersebut, perbincangan antara menteri kewangan dan gabenor bank pusat G7 akan berlangsung pada 24-25 Mei. Menteri Kewangan Itali, Giancarlo Giorgetti dan Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Janet Yellen bertemu secara tertutup pada petang Khamis, menjelang majlis perasmian yang berlangsung pada sebelah malam, lapor media tempatan.

Rundingan G7 di Stresa, utara Itali, akan dihadiri oleh Pesuruhjaya Ekonomi Kesatuan Eropah (EU), Paolo Gentiloni dan Presiden Eurogroup, Paschal Donohoe bersama ketua organisasi global dan menteri dari negara bukan G7 yang diundang kerana kepentingan mereka terhadap topik yang dibincangkan, kata presiden Itali. G7 terdiri daripada Kanada, Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Itali, United Kingdom dan Jepun, bersama wakil tertinggi institusi EU. - ©BERNAMA

UK bakal laksanakan undang-undang media selepas mendapat perkenan diraja

LONDON, 24 Mei. - Rang Undang-Undang Media bertujuan untuk memodenkan undang-undang media United Kingdom (UK) telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parlimen dan bersedia untuk mendapat perkenan diraja.

Rang Undang-Undang Media, yang akan mengemas kini undang-undang penyiaran bagi era penstriman, telah dipercepatkan melalui peringkat akhirnya menjelang pilihan raya umum pada 4 Julai, lapor PA Media.

Kerajaan UK membuat dua konsesi pada saat-saat terakhir mengenai penyiaran perkhidmatan awam dan menerima pindaan yang dicadangkan oleh penyampai BBC dan ahli bebas, Deborah Bull. Pindaan pertama memastikan prinsip Reithian untuk memaklumkan, mendidik dan menghibur tetap menjadi sebahagian eksplisit daripada penyiaran perkhidmatan awam.

Menteri di Jabatan Kebudayaan, Media dan Sukan, Stephen Parkinson berkata: "Ini adalah prinsip yang mengagumkan dan penting, kami mahu ia kekal sebagai kunci kepada ekosistem penyiaran perkhidmatan awam."

Kerajaan juga menerima pindaan Bull yang menjelaskan kepentingan program pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja. Parkinson berkata: "Saya sudah tentu, menyokong program berkualiti tinggi yang menyokong kanak-kanak untuk belajar dan berkembang, saya percaya bahawa penyiari perkhidmatan awam mempunyai peranan penting dalam menyediakan ini."

Bagaimanapun, beberapa ahli parlimen tidak berpuas hati bahawa rang undang-undang tersebut akan memansuhkan Seksyen 40 Akta Jenayah dan Mahkamah 2013, undang-undang yang memaksa

penerbit membayar kos guaman orang yang menyaman mereka, walaupun jika mereka menang, melainkan mereka mendaftar dengan pengawal selia yang diluluskan oleh kerajaan.

Undang-undang ini diluluskan selepas Inkuiri Leveson (siasatan panel kehakiman yang ditubuhkan untuk menyiasat etika media berikutkan skandal penggodaman telefon yang besar di kumpulan akbar News International Murdoch) tetapi tidak pernah dilaksanakan. Kini, lebih 10 tahun kemudian, kerajaan percaya ia perlu dimansuhkan kerana ia dikatakan mengancam kebebasan akbar.

Ahli bebas Sheila Hollins tidak bersetuju dengan kerajaan dan berkata bahawa Parlimen perlu "mewujudkan insentif untuk surat khabar melakukan perkara yang betul dan menyertai pengawal selia yang akan melindungi orang awam."

Bekas menteri Liberal Demokrat Thomas McNally menuduh kerajaan "memperbaiki perjanjian" dengan surat khabar nasional mengenai pemansuhan Seksyen 40.

Dia berkata: "Kita semua tahu ia dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang ini seperti duri dalam daging, untuk memperbaiki perjanjian antara Parti Konservatif dan pemilik surat khabar utama, itulah dunia jahat yang kita diamai."

Parkinson memberitahu ahli-ahli Dewan Lords bahawa pemansuhan undang-undang adalah komitmen manifesto dan berkata: "Kerajaan komited untuk melindungi kebebasan media dan peranan tidak ternilai kebebasan akbar dalam masyarakat dan demokrasi kita."

"Sebagai sebahagian daripada ini, kami komited untuk mengawal

selia kendiri bebas akbar dan itu meliputi untuk menyokong pengawal selia yang mereka harus menjadi ahli."

Sementara itu, ahli parlimen lain menuduh kerajaan cuba "menyeludup sesuatu" dalam tempoh proses wash-up atau hari-hari terakhir Parlimen sebelum pembubarannya, apabila undang-undang sama ada diluluskan dengan cepat atau dibatalkan.

Ahli parlimen Buruh David Lipsey, berkata beliau terlibat dalam 11 wash-up sepanjang lebih 50 tahun di Parlimen, berkata: "Saya fikir kerajaan cuba menyeludup sesuatu melalui wash-up yang tidak sepatutnya ada dalam undang-undang."

Beliau berkata bahawa wash-up direka untuk Rang Undang-Undang yang mempunyai konsensus dan mengenai isu Seksyen 40, beliau menegaskan: "Tidak ada kesepakatan atau persetujuan mengenai isu Seksyen 40 dalam kalangan pelbagai kumpulan dalam Parlimen, termasuk ahli parlimen bebas, Liberal Demokrat dan bahkan dalam kalangan ahli parlimen backbencher Parti Buruh."

Bagaimanapun, barisan hadapan Buruh berkata mereka telah bersetuju dengan rang undang-undang itu diluluskan, dengan Roy Kennedy berkata: "Usul telah dipersetujui oleh Dewan."

Ketua Dewan Lords Nicholas True mengakui bahawa keputusan itu adalah "sukar" tetapi realiti politik memerlukan persetujuan kedua-dua pihak untuk meluluskan sesuatu tindakan atau undang-undang.

Beliau menekankan bahawa hanya perkara-perkara yang mendapat persetujuan daripada kedua-dua pihak - Kerajaan dan Pembangkang - yang boleh dilaksanakan. - ©BERNAMA

KASUKA FC TUMPASKAN MSSSBD 2 - 0



ANTARA aksi perlawanan di antara pasukan Kasuka FC U16 menentang pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSSBD) U16 pada Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas (kiri dan atas).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Jumaat, 24 Mei. - Pasukan Kasuka FC U16 berjaya menumpaskan pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSSBD) U16 2 - 0 pada Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Kompleks

Sukan Berakas.

Pemain jersi 16, Muhammad Faaiz bin Zulkiflee membuka tirai jaringan pada minit ke-6 separuh masa pertama.

Pasukan MSSSBD U16 yang memakai jersi berwarna biru terus bangkit untuk menyamakan kedudukan dengan pasukan Kasuka FC U16 namun usaha mereka sentiasa digagalkan oleh pemain

pasukan lawan yang memakai jersi berwarna kuning.

Memasuki separuh masa kedua, pasukan Kasuka FC U16 sekali lagi menambah gol kedua mereka hasil jaringan pemain jersi 11, Muhammad Adyka Farel bin Zulkifli pada minit ke-41.

Pasukan Kasuka FC U16 mencegalkan kedudukannya sehingga tamat masa perlawanan.

Kejohanan Remaja Kebangsaan BDTA cungkil bakat baharu

Siaran Akhbar : Persatuan Tenis Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mei. - Persatuan Tenis Brunei Darussalam (BDTA) menganjurkan Kejohanan Remaja Kebangsaan 2024 bermula 24 hingga 26 Mei 2024 di Pusat Tenis Kebangsaan, di sini.

Sebagai sebahagian daripada pelan hala tuju strategik BDTA dan komitmen terhadap pembangunan tenis di Negara Brunei Darussalam, kejohanan remaja peringkat kebangsaan akan diadakan tiga kali setahun bagi menganjurkan kejohanan untuk pemain tenis generasi akan datang dan digunakan sebagai laluan untuk memilih pemain tenis remaja untuk perwakilan negara dalam

pertandingan serantau.

Kejohanan yang diadakan selama tiga hari ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Red Ball, umur 6 hingga 8 (campuran); Orange Ball, umur 8 hingga 10 (campuran); Green Ball, umur 10 hingga 12 (campuran); Yellow Ball, umur 10 hingga 12, dan 18 ke bawah (campuran).

Di samping Kejohanan Remaja Kebangsaan, turut diadakan Klinik Terbuka Inisiatif Tenis Remaja (JTI) untuk bawah 12 tahun yang akan dihoskan oleh BDTA dan diurus serta disokong oleh jurulatih bertaualiah ITF dan jurulatih yang diiktiraf BDTA - untuk menjalani

pensijilan.

Sesi terbuka JTI ini akan diadakan pada Ahad, 26 Mei dari jam 4.00 petang hingga 6.00 petang.

Orang ramai digalakkan membawa anak-anak untuk menyertai dan merasai pengalaman bermain sukan ini. Inisiatif ini merupakan usaha berterusan yang akan diadakan di Pusat Tenis Kebangsaan.

Perlawanan Akhir Kejohanan Remaja Kebangsaan akan diadakan pada Ahad, 26 Mei pada sebelah petang dan orang ramai dijemput hadir dan menyokong pemain junior tenis.

Maklumat lanjut mengenai BDTA boleh dibuat melalui talian +673 8801092 atau bruneitennis. bdt@gmail.com.

Larian Hari Olimpik pada 23 Jun

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Mei. - Bersempena Hari Olimpik Sedunia yang jatuh pada 23 Jun setiap tahun, Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Larian Hari Olimpik 2024 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada Ahad, 23 Jun 2024.

Acara ini akan menghimpunkan individu daripada semua lapisan masyarakat untuk meraikan nilai-

nilai Olimpik sambil menggalakkan penyertaan masyarakat.

Larian Hari Olimpik akan dibahagikan kepada pelbagai kategori termasuk Kategori 1.8 kilometer (km) Orang Kelainan Upaya; 1.8km Lelaki 12 Tahun ke Bawah (U-12); 1.8km Perempuan 12 Tahun ke Bawah (U-12); 3km Veteran Lelaki Umur 60 Tahun ke Atas; 3km Veteran Wanita Umur 60 Tahun ke Atas; 5km Lelaki Terbuka; dan 5km Wanita Terbuka.

Pendaftaran adalah percuma dan orang ramai yang ingin menyertai boleh mendaftar di Bilik No.13,

Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula Isnin, 27 Mei 2024 hingga 29 Mei 2024 iaitu bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan diteruskan pada pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang. Sementara itu, pendaftaran juga akan disediakan di semua kompleks sukan, JBS di seluruh tiga daerah di Negara Brunei Darussalam.

Peserta yang berdaftar akan mendapat T-Shirt edisi terhad memperingati Larian Hari Olimpik 2024 (akan diedarkan dan dimaklumkan kemudian), sijil (selepas menamatkan acara larian) dan pingat untuk 10 terbaik dalam setiap kategori.

www.mkkjr.gov.bn

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



MESYUARAT BINCANG PERANAN, TANGGUNGJAWAB WORLD ANTI-DOPING CODE

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai 19th Asia / Oceania Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport.

TASHKENT, UZBEKISTAN, Khamis, 23 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menyertai 19th Asia / Oceania Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport yang diadakan di Tashkent, Republik Uzbekistan, baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut dihoskan oleh Kementerian Sukan Republik Uzbekistan bersama National Anti-Doping Agency of Uzbekistan (UzNADA) dengan kerjasama World Anti-Doping Agency (WADA).

19th Asia / Oceania Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport

telah dirasmikan dengan ucapan pembukaan daripada Menteri Sukan Republik Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Adikham Ikramov, selaku Pengurus dan ucapan aluan Penasihat kepada Presiden Republik Uzbekistan, Tuan Odil Abdurrahmanov.

Mesyuarat yang dihadiri oleh menteri-menteri dan perwakilan daripada 46 negara rantau Asia dan Oceania tersebut merupakan wadah bagi negara-negara ahli untuk membincangkan peranan dan tanggungjawab seperti mana yang digariskan dalam World Anti-Doping Code dan juga cabaran-cabarannya yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengongsikan kedudukan dan cabaran yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam mematuhi peraturan dan mengikuti program-program anti-doping yang dianjurkan oleh WADA dan agensi-agensi lain yang berkenaan.

WADA telah ditubuhkan pada 1999 sebagai sebuah agensi bebas antarabangsa yang mengetuai gerakan kolaboratif di seluruh dunia ke arah sukan yang bebas doping.

WADA berperanan utama dalam menyediakan, mengharmonikan dan menyelaras peraturan dan dasar anti-doping

yang merentasi semua sukan dan negara.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan ialah penyelidikan saintifik dan sains sosial; pendidikan; risikan dan penyiasatan; pembangunan kapasiti anti-doping dan pemantauan pelaksanaan Program Anti-Doping Program Dunia.

Keahlian NBD dalam WADA diwakili oleh Komiti Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC) yang telah ditubuhkan sejak 2006.

Selain itu, antara aktiviti yang dilaksanakan oleh BDADC ialah memberikan program pendidikan Anti-Doping dan menjalankan ujian sampel atlet negara yang akan menyertai kejohanan sukan serantau dan antarabangsa.

Semasa menghadiri mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah berkesempatan mengadakan perjumpaan secara berasingan bersama Tuan Yang Terutama Adikham Ikramov dan juga Presiden World Anti-Doping Agency, Tuan Witold Banka.

Antara perkara yang dibincangkan semasa perjumpaan-perjumpaan tersebut ialah pertukaran maklumat mengenai bidang kesukuan, kedudukan berkaitan anti-doping serta peluang-peluang kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan disertai oleh wakil-wakil daripada Komiti Anti-Doping NBD dan pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5 pemanah negara berlepas ke Istanbul

BERAKAS, Khamis, 23 Mei. - Lima pemanah negara akan menyertai Pertandingan Memanah Tradisional Fetih Kupasi Antarabangsa (International Conquest Cup) Ke-12 di Istanbul, Republik Turkiye bermula 25 hingga 29 Mei 2024 ini.

Sehubungan itu, majlis mengucapkan selamat belseyurah telah berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dengan kehadiran Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamid Ersoy.

Rombongan terdiri daripada tiga pemanah lelaki iaitu Awang Mohd. Azril bin Ramli, Awang Mitasby bin Haji Mamit dan Awang Haji Zainuddin bin Haji Awang Osman serta dua pemanah wanita, Dayang Nur Susilina binti Abdullah Jamain dan Dayang Hajah Amas binti Haji Yassin. Kejohanan memanah tersebut merupakan anjuran tahunan Okcular Vakfi, Istanbul dengan penyertaan 500 peserta daripada seluruh dunia.

Menurut Ketua Jurulatih, Awang Mohd. Iskandar bin Haji Jani semasa ditemu bual delegasi pemanah negara tersebut dipilih

berdasarkan pencapaian mereka dalam pertandingan-pertandingan memanah yang telah diadakan dalam negara, melalui Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA) selaku institusi yang diamanahkan untuk membuat pemilihan.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan

iaitu Target Archery atau Memanah Sasaran

dalam jarak 50 meter dan Flight Archery iaitu

Memanah Jarak Jauh. "Pemanah Brunei

Berita dan Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

akan mengikuti Target Archery sahaja kerana kita tidak mempunyai tempat latihan untuk Memanah Jarak Jauh," jelasnya.

Penyertaan kali pertama ini, tambahnya, diharap akan dapat menarik lebih banyak minat penduduk negara dalam sukan memanah, yang mana bukan sahaja di peringkat dalam negeri tetapi juga dapat disertai di peringkat antarabangsa. Turut hadir di LTAB, Pengurus PASMA, Pengiran Haji Radho bin Pengiran Haji Mohd. Tahir.

Tahukah Awda

ASPIRASI Transformasi Perkhidmatan Awam dihasratkan ke arah pembangunan urus tadbir yang dinamik, inovatif dan berfokuskan masyarakat, dengan terus menerokai potensi teknologi digital, dalam memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan. Hakikatnya, transformasi tersebut tidak dapat dielakkan dan pastinya berlaku, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan kepesatan teknologi masa kini, yang berpaksikan pengetahuan. Justeru, ia memerlukan Perkhidmatan Awam itu untuk bersifat lebih responsif dan adaptif sesuai dengan keperluan dan trend semasa.

SUMBER : Pelita Brunei, Rabu, 8 Mei 2024.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA TINGKAH LAKU, TUTUR KATA KETIKA BERKOMUNIKASI DI MEDIA SOSIAL